



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN
PRESTASI KEWANGAN AGENSI

NEGERI JOHOR TAHUN 2015



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
 PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
 DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI

NEGERI JOHOR
TAHUN 2015

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Metodologi Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor	4
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015	
BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Kumpulan Wang Disatukan	7
Wang Awam	8
Akaun Hasil Disatukan	10
Akaun Pinjaman Disatukan	18
Akaun Amanah Disatukan	19
Penyata Prestasi Kewangan	24
Akaun Memorandum	25
Nota Kepada Penyata Kewangan	32
Rumusan Dan Syor Audit	34
BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-10	37
Rumusan	39
BAHAGIAN IV - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	43
Pengauditan Penyata Kewangan	43

PERKARA**MUKA SURAT**

Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	44
Pengesahan Penyata Kewangan	45
Pembentangan Penyata Kewangan	45
Prestasi Kewangan	45
Rumusan Dan Syor Audit	56

**BAHAGIAN V - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA
RAYA NEGERI**

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri; Dan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	61
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri	61
PENUTUP	67

LAMPIRAN

I Sijil Ketua Audit Negara	71
II Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri	72
III Penyata Kedudukan Kewangan	73
IV Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	74
V Penyata Prestasi Kewangan	76
VI Penyata Akaun Memorandum	77
VII Nota Kepada Penyata Kewangan	78




KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri tahun 2015 ini mengandungi laporan mengenai Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri, Penyerahan, Pembentangan dan Prestasi Penyata Kewangan Agensi Negeri serta Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri. Laporan mengenai Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi yang biasanya dilaporkan dalam laporan ini telah pun dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2015 Siri 1.
2. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor memperkenankan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Johor.
3. Laporan mengenai pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015; disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di pejabat Perbendaharaan Negeri dan beberapa Jabatan/Agensi Negeri sepanjang tahun 2015. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di pejabat Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan adalah bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan adalah dibuat dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000*.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Johor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)

~~Ketua Audit Negara~~

~~Malaysia~~

Putrajaya

24 Jun 2016



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2015. Semua butiran dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi.

BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

2. Secara keseluruhan, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor pada 31 Disember 2015 adalah baik. Kumpulan Wang Disatukan tahun 2015 berjumlah RM2.63 bilion iaitu meningkat dengan ketara sejumlah RM317.60 juta atau 13.8% berbanding RM2.31 bilion tahun 2014. Kerajaan Negeri mencatatkan surplus berjumlah RM153.83 juta menjadikan Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2015 berbaki sejumlah RM998.50 juta. Hasil tahun 2015 telah meningkat sedikit sejumlah RM5.02 juta atau 0.3% berbanding tahun 2014. Prestasi perbelanjaan mengurus tahun 2015 berjumlah RM1.39 bilion pula meningkat sejumlah RM210.59 juta atau 17.8% berbanding tahun 2014. Pelaburan Kerajaan Negeri dalam simpanan tetap pula bertambah RM553.01 juta atau mendak 118.4% iaitu daripada RM467.19 juta pada tahun 2014 kepada RM1.02 bilion pada tahun 2015. Selain itu, hutang awam yang merupakan pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan menurun sejumlah RM17.82 juta atau 3.1% daripada RM583.92 juta pada tahun 2014 kepada RM566.10 juta pada 31 Disember 2015. Tuggakan bayaran balik hutang awam telah menurun dengan ketara sejumlah RM65.07 juta atau 93.3% daripada RM69.74 juta pada tahun 2014 kepada RM4.67 juta pada tahun 2015. Selain itu, tindakan menubuahkan *taskforce* bagi mengutip tuggakan perlu diteruskan memandangkan tuggakan hasil telah menurun sejumlah RM6.74 juta atau 3.7% menjadikan tuggakan hasil pada tahun 2015 berjumlah RM174.35 juta berbanding RM181.09 juta pada tahun 2014.

BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

3. Pencapaian perbelanjaan RMKe-10 yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri sehingga akhir tahun 2015 adalah baik di mana sejumlah RM1.67 bilion atau 83.5% daripada RM2.00 bilion yang diperuntukkan kepada 13 Jabatan Negeri telah dibelanjakan. Manakala bagi prestasi projek secara fizikal RMKe-10 juga adalah sangat baik iaitu daripada 43,341 projek diluluskan, sebanyak 43,262 projek atau 98.85% telah berjaya disiapkan manakala 22 projek

atau 0.05% sedang dalam pelaksanaan dan 57 projek atau 0.1% masih belum mula atau ditangguhkan.

BAHAGIAN IV - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

4. Sehingga 24 Jun 2016, kedudukan penyerahan penyata kewangan agensi negeri bagi 2015 adalah baik di mana 28 atau 96.6% daripada 29 Agensi Negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2015 untuk diaudit. Semua 27 penyata kewangan tahun 2014 iaitu 11 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, satu penyata kewangan Majlis Agama Islam dan 15 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan telah memperoleh Sijil Tanpa Teguran. Selain itu, sebanyak 5 penyata kewangan tahun 2015 telah disahkan dengan Sijil Tanpa Teguran iaitu 3 Badan Berkanun Negeri dan 2 Pihak Berkuasa Tempatan. Sehingga 24 Jun 2016, sebanyak 24 penyata kewangan bagi tahun kewangan 2014 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

5. Bagi prestasi kewangan Agensi Negeri tahun 2015, sebanyak 8 Agensi Negeri yang mengalami defisit dan 2 Agensi Negeri mengalami kekurangan aset semasa bersih perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus dan menanggung liabiliti semasa. Selain itu, tunggakan cukai taksiran telah menunjukkan peningkatan ketara sejumlah RM46.38 juta atau 24.9% iaitu daripada RM185.93 juta pada tahun 2014 kepada RM232.31 juta pada tahun 2015. Oleh itu, Pihak Berkuasa Tempatan perlu meneruskan usaha untuk memastikan tunggakan cukai taksiran dapat dikurangkan dengan mengambil tindakan lebih tegas terhadap mereka yang gagal membayar cukai taksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan.

BAHAGIAN V - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI

6. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2014 Siri 1 dan Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Johor masing-masing pada 10 September 2015 dan 29 November 2015. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Johor Tahun 2014 dan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2014 Siri 3 telah dibentangkan pada 17 April 2016. Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor telah bersidang sebanyak 3 kali bagi tempoh Jun 2015 hingga Mei 2016 untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri serta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri bagi tahun 2013.



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 kepada Jabatan Audit Negara pada **25 Februari 2016**. Penyata yang disediakan melaporkan semua urus niaga kewangan atas tunai bagi tahun 2015 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Laporan Bendahari menerangkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri serta memberi ringkasan urus niaga kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015.

1.4. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan atas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.5. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan bayaran bagi tahun 2015. Terimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, terimaan modal dan terimaan lain seperti amanah. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.6. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.7. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset

Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan. Liabiliti Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.8. Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan dasar perakaunan, nota penjelasan serta maklumat lain yang perlu didedahkan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2015. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri Johor dan Jabatan Negeri melalui pemerhatian Audit sebaik sahaja sesuatu pengauditan selesai dijalankan. *Exit Conference* bersama YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Pegawai Kewangan Negeri serta Ketua-ketua Jabatan/Agenzi telah diadakan pada 1 Jun 2016.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI JOHOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957, dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000*. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan Penyata Kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam persembahan penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2015 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I hingga Lampiran VII**.



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor Tahun 2015 juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri ini menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

4.2. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.2.1. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2015 adalah berjumlah RM2.63 bilion. Jumlah ini merupakan baki terkumpul daripada ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai sejumlah RM1.61 bilion dan pelaburan berjumlah RM1.02 bilion. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2015 berbanding tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

Jadual 4.1
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Tahun 2015 Berbanding 2014

Bil.	Butiran	2014	2015	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Akaun Hasil Disatukan	844.67	998.50	153.83	18.2
2	Akaun Pinjaman Disatukan	10.18	0.00	-10.18	-100.0
3	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	1,454.59	1,628.54	173.95	12.0
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	515.89	537.83	21.94	4.3
	(i) Kumpulan Wang Pembangunan	-312.97	-239.30	73.67	23.5
	(ii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	828.86	777.13	-51.73	-6.2
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	622.19	737.42	115.23	18.5
	c) Akaun Wang Deposit	316.51	353.29	36.78	11.6
Jumlah		2,309.44	2,627.04	317.60	13.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.2.2. Analisis Audit mendapati kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri telah meningkat dengan ketara sejumlah RM317.60 juta atau 13.8% pada tahun 2015 iaitu daripada RM2.31 bilion pada tahun 2014 menjadi RM2.63 bilion. Ini disebabkan oleh peningkatan Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM153.83 juta atau 18.2% iaitu daripada surplus RM844.67 juta pada tahun 2014 menjadi surplus RM998.50 juta pada tahun 2015. Selain itu, peningkatan juga disebabkan oleh kenaikan Akaun Amanah Disatukan berjumlah RM173.95 juta atau 12% yang sebahagian besar disumbangkan oleh Kumpulan Wang Amanah Awam yang berjumlah RM115.23 juta atau 18.5%.

4.2.3. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.2**. Baki pada tahun 2015 merupakan yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.2
Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Tahun 2011 Hingga 2015

Bil.	Butiran	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
1	Akaun Hasil Disatukan	-319.29	-132.53	485.26	844.67	998.50
2	Akaun Pinjaman Disatukan	0	0	48.16	10.18	0.00
3	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	769.79	1,581.78	1,265.68	1,454.59	1,628.54
	a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	75.54	-91.76	464.25	515.89	537.83
	i) <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	-171.84	-356.88	-356.87	-312.97	-239.30
	ii) <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	247.38	265.12	821.12	828.86	777.13
	b) Kumpulan Wang Amanah Awam	508.45	1,467.35	402.18	622.19	737.42
	c) Akaun Wang Deposit	185.80	206.19	399.25	316.51	353.29
Jumlah		450.50	1,449.25	1,799.10	2,309.44	2,627.04

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.3. WANG AWAM

4.3.1. Pelaburan

4.3.1.1. Mengikut Seksyen 8, Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan Negeri dibenarkan melabur dalam deposit di bank dan pelaburan lain. Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah Awam selaras dengan Seksyen 9 dan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan selaras dengan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957, serta peraturan yang dikuatkuasakan. Pelaburan Am pula adalah pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Hasil Disatukan.

4.3.1.2. Pada akhir tahun 2015, pelaburan Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM1.02 bilion berbanding tahun 2014 yang berjumlah RM467.19 juta. Analisis Audit mendapati peningkatan mendadak sejumlah RM553.01 juta atau 118.4% pada tahun 2015 disebabkan Kerajaan Negeri Johor telah menambah simpanan tetap Kerajaan di bank dan institusi kewangan daripada 27 buah bank pada tahun 2014 kepada 31 buah

bank pada tahun 2015. Kerajaan Negeri Johor juga mengambil pandangan Audit supaya lebihan wang tunai dilaburkan dalam simpanan tetap jangka panjang yang semestinya memberi pulangan lebih baik berbanding pegangan wang tunai. Analisis perbandingan kedudukan pelaburan bagi tahun 2015 berbanding 2014 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

Jadual 4.3
Pelaburan Pada Tahun 2015 Berbanding 2014

Bil.	Butiran	2014	2015	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Pelaburan Am	467.00	1,020.00	553.00	118.4
2	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	0.19	0.20	0.01	5.3
	Jumlah	467.19	1,020.20	553.01	118.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.3.1.3. Analisis perbandingan baki pelaburan menunjukkan prestasi pelaburan tahun 2012 adalah yang paling rendah bagi tempoh 5 tahun. Prestasi pelaburan meningkat semula melebihi 100% pada tahun 2013 hingga 2015. Baki pelaburan bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.4** dan **Carta 4.1**. Baki pelaburan bagi tahun 2015 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun.

Jadual 4.4
Pelaburan Bagi Tahun 2011 Hingga 2015

Bil.	Butiran	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
1	Pelaburan Am	346.00	0	33.00	467.00	1,020.00
2	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	0.17	0.18	0.18	0.19	0.20
	Jumlah	346.17	0.18	33.18	467.19	1,020.20

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.1
Kedudukan Pelaburan Tahun 2011 Hingga 2015



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN

4.4.1. Akaun Hasil Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan bagi satu tahun kewangan.

4.4.2. Prestasi Akaun Hasil Disatukan

4.4.2.1. Kerajaan Negeri Johor mengakhiri tahun kewangan 2015 dengan surplus semasa berjumlah RM153.83 juta iaitu penurunan sebanyak RM205.58 juta atau 57.2% berbanding surplus berjumlah RM359.41 juta pada tahun 2014. Walaupun surplus semasa menurun, ia tidak menjelaskan surplus terkumpul Akaun Hasil Disatukan yang meningkat kepada RM998.50 juta pada tahun 2015 berbanding surplus RM844.67 juta pada tahun 2014. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan Tahun 2015 Berbanding 2014 adalah seperti di **Jadual 4.5**.

**Jadual 4.5
Kedudukan Akaun Hasil Disatukan Tahun 2015 Berbanding 2014**

Butiran	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	Perubahan	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	485.26	844.67	359.41	74.1
Hasil	1,543.81	1,548.82	5.01	0.3
Perbelanjaan Mengurus	1,184.40	1,394.99	210.59	17.8
Surplus	359.41	153.83	-205.58	-57.2
Baki Pada 31 Disember	844.67	998.50	153.83	18.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.4.2.2. Analisis trend bagi tahun 2011 hingga 2015 mendapati Akaun Hasil Disatukan mencatatkan defisit terkumpul pada tahun 2011 dan 2012. Akaun Hasil Disatukan mencatatkan surplus berterusan bermula tahun 2013. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.6** dan **Carta 4.2**. Surplus pada tahun 2013 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun kebelakangan.

**Jadual 4.6
Kedudukan Akaun Hasil Disatukan Tahun 2011 Hingga 2015**

Butiran	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	-325.69	-319.29	-132.53	485.26	844.67
Hasil	841.77	1,100.89	1,728.53	1,543.81	1,548.82
Perbelanjaan Mengurus	835.37	914.13	1,110.74	1,184.40	1,394.99
Surplus	6.40	186.76	617.79	359.41	153.83
Baki Pada 31 Disember	-319.29	-132.53	485.26	844.67	998.50

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.2
Kedudukan Akaun Hasil Disatukan Tahun 2011 Hingga 2015



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3. Hasil

4.4.3.1. Akaun Hasil Disatukan mengandungi 3 kategori hasil iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2015, kutipan hasil sebenar ialah RM1.55 bilion adalah melebihi sejumlah RM309.79 juta berbanding anggaran yang diluluskan berjumlah RM1.24 bilion iaitu pencapaian sebanyak 125.1%. Pencapaian kutipan bagi setiap kategori hasil pada tahun 2015 adalah baik di mana kutipan sebenar Hasil Bukan Cukai melebihi anggaran diluluskan sebanyak 158.1%. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran Tahun 2015

Bil.	Kategori Hasil	Anggaran Diluluskan (RM Juta)	Hasil Sebenar (RM Juta)	Pencapaian (%)
1	Hasil Cukai	425.78	397.17	-93.3
2	Hasil Bukan Cukai	607.97	961.41	158.1
3	Terimaan Bukan Hasil	205.29	190.25	-92.7
Jumlah		1,239.04	1,548.83	125.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3.2. Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2015 berjumlah RM1.55 bilion meningkat sebanyak RM5.02 juta atau 0.3% berbanding tahun 2014 yang berjumlah RM1.54 bilion. Peningkatan ini disebabkan kutipan bagi Hasil Cukai meningkat sebanyak RM58.42 juta atau 17.3% pada tahun 2015 berbanding tahun 2014. Jumlah pungutan hasil mengikut kategori bagi tahun 2015 berbanding 2014 adalah seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8
Kutipan Hasil Tahun 2015 Berbanding 2014

Bil.	Kategori Hasil	2014	2015	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Hasil Cukai	338.75	397.17	58.42	17.3
2	Hasil Bukan Cukai	1,007.25	961.41	-45.84	-4.6
3	Terimaan Bukan Hasil	197.81	190.25	-7.56	-3.8
Jumlah		1,543.81	1,548.83	5.02	0.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3.3. Analisis Audit mendapati 55 butiran hasil mengalami peningkatan berjumlah RM152.65 juta dan 71 butiran hasil mengalami penurunan berjumlah RM147.64 juta. Lima butiran hasil yang mengalami peningkatan ketara pada tahun 2015 berbanding 2014 adalah seperti di **Jadual 4.9**. Manakala 5 butiran hasil yang lain mengalami penurunan ketara pada tahun 2015 berbanding 2014 adalah seperti di **Jadual 4.10**.

Jadual 4.9
Peningkatan Hasil Yang Ketara Tahun 2015 Berbanding 2014

Bil.	Butiran Hasil	2014	2015	Perubahan		Punca
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1	Cukai Tanah Berulang	284.86	323.37	38.51	13.5	Peningkatan kesedaran pemilik-pemilik tanah individu, syarikat dan pemaju perumahan akan tanggungjawab membayar cukai tanah setiap tahun. Selain itu, kempen kesedaran pembayaran cukai tanah secara ‘online’ juga menyumbang kepada peningkatan terimaan kutipan hasil.
2	Faedah & Hasil Dari Wang Simpanan Tetap Dalam Bank	58.66	90.47	31.81	54.2	Pertambahan amaun prinsipal Simpanan Tetap dari awal tahun sehingga akhir tahun 2015.
3	Cukai Air Mentah	25.30	46.38	21.08	83.3	Bayaran tunggakan cukai air mentah oleh Syarikat Air Johor Holdings dan Syarikat Air Melaka Berhad.
4	Bayaran Perkhidmatan Atas Projek Persekutuan	21.44	35.23	13.79	64.3	Peningkatan bayaran 10% kepada Kerajaan Negeri kerana penglibatan kakitangan Kerajaan Negeri di dalam melaksanakan Projek-Projek Kerajaan Persekutuan.
5	Premium Geran/Premium Tambahan SBKS DII	457.97	471.74	13.77	3.0	Peningkatan bayaran premium geran dan pertambahan hak milik baru dan kurniaan tanah kepada pihak pemaju serta peningkatan permohonan Serah Balik Kurnia Semula (SBKS) dan ubah syarat industri dan pertanian telah dijelaskan pada tahun 2015.
Jumlah		848.23	967.19	118.96	14.0	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.10
Penurunan Hasil Yang Ketara Tahun 2015 Berbanding 2014

Bil.	Butiran Hasil	2014	2015	Perubahan		Punca
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1	Bayaran Perkhidmatan Kepada Pejabat Tanah	156.48	114.87	-41.61	26.6	Penurunan transaksi perkhidmatan di pentadbiran tanah seperti pengesahan bayaran cukai tanah, pembelian pelan, semakan nombor hak milik, urusan urus niaga/bukan urus niaga termasuk pendaftaran hak milik, bayaran fee pindah milik dan urusan gadaian daripada urusan jual beli hartanah.
2	Bayaran Kelulusan Permohonan Perolehan Hartanah Warga Asing	94.80	59.77	-35.03	36.9	Penurunan kelulusan permohonan perolehan harta oleh warganegara/syarikat asing adalah bergantung pada jumlah permohonan yang diterima oleh Pejabat tanah dan Galian Johor (PTG) daripada pemaju perumahan atau individu atau syarikat.
3	Bayaran Perkhidmatan Yang Lain	19.30	4.84	-14.46	74.9	Penurunan bayaran pengecualian lot bumiputera dan bayaran permohonan pelepasan kuota lot bumiputera.
4	Faedah Atas Pinjaman Kenderaan	13.88	0	-13.88	100.0	Pelarasan faedah yang dibuat pada tahun 2014 bagi pinjaman yang telah selesai bagi tahun 2005 hingga 2012.
5	Pelbagai Denda Dan Hukuman	32.22	20.69	-11.53	35.8	Penurunan jumlah terimaan pelbagai denda dan hukuman ke atas kegagalan pemaju yang tidak membina rumah murah sebagaimana yang telah dipersetujui oleh Kerajaan.
Jumlah		316.68	200.17	-116.51	36.8	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3.4. Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Trend kutipan hasil bagi tahun 2011 hingga 2015 menunjukkan kutipan hasil tahun 2015 masih rendah berbanding kutipan hasil tahun 2013 yang tertinggi bagi tempoh 5 tahun kebelakangan seperti di **Jadual 4.11** dan **Carta 4.3**.

Jadual 4.11
Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Tahun 2011 Hingga 2015

Bil.	Kategori Hasil	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
1	Hasil Cukai	294.22	306.07	316.63	338.75	397.17
2	Hasil Bukan Cukai	411.66	495.71	1,230.45	1,007.25	961.41
3	Terimaan Bukan Hasil	135.89	299.11	181.45	197.81	190.25
Jumlah		841.77	1,100.89	1,728.53	1,543.81	1,548.83

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.3
Kutipan Hasil Kerajaan Negeri Tahun 2011 Hingga 2015



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.3.5. Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2015 ialah Premium Geran/Premium Tambahan SBKS Dan Lain-lain, Cukai Tanah Berulang, Bayaran Perkhidmatan Kepada Pejabat Tanah, Faedah Dan Hasil Dari Wang Simpanan Tetap Dalam Bank serta Permit Galian Dan Bahan Batuan. Butiran hasil ini telah menyumbang sejumlah RM1.07 bilion atau 69% daripada hasil tahun 2015 yang berjumlah RM1.55 bilion berbanding kutipan tahun 2014 yang berjumlah RM1.03 bilion atau 66.5% daripada jumlah hasil RM1.54 bilion seperti di **Jadual 4.12**. Pada tahun 2015, Premium Geran/Premium Tambahan SBKS Dan Lain-lain merupakan penyumbang terbesar hasil Kerajaan dengan kutipan berjumlah RM471.74 juta, diikuti oleh Cukai Tanah Berulang dan Bayaran Perkhidmatan Kepada Pejabat Tanah yang masing-masingnya berjumlah RM323.37 juta dan RM114.87 juta. Trend kutipan bagi tempoh 5 tahun dari tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.13**. Bagi tempoh 5 tahun Premium Geran/Premium Tambahan SBKS dan Lain-lain, Cukai Tanah Berulang dan Bayaran Perkhidmatan Kepada Pejabat Tanah terus menjadi penyumbang utama hasil kerajaan negeri. Selain itu, peranan Faedah Simpanan Tetap serta Permit Galian dan Bahan Batu semakin meningkat.

Jadual 4.12
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Tahun 2015 Berbanding 2014

Bil.	Butiran Hasil	2014		2015	
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1	Premium Geran/Premium Tambahan SBKS Dan Lain-lain	457.97	29.7	471.74	30.4
2	Cukai Tanah Berulang	284.86	18.5	323.37	20.9
3	Bayaran Perkhidmatan Kepada Pejabat Tanah	156.48	10.1	114.87	7.4
4	Faedah & Hasil Dari Wang Simpanan Tetap Dalam Bank	58.66	3.8	90.47	5.8
5	Permit Galian Dan Bahan Batuan	69.43	4.5	69.00	4.5
Jumlah		1,027.40	66.5	1,069.45	69.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Jadual 4.13
Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Tahun 2011 Hingga 2015

Bil.	Butiran Hasil	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
1	Premium Geran/Premium Tambahan SBKS Dan Lain-lain	119.24	166.26	842.94	457.97	471.74
2	Cukai Tanah Berulang	260.61	269.89	274.61	284.86	323.37
3	Bayaran Perkhidmatan Kepada Pejabat Tanah	96.36	113.68	135.63	156.48	114.87
4	Faedah & Hasil Dari Wang Simpanan Tetap Dalam Bank	22.74	18.48	35.82	58.66	90.47
5	Permit Galian Dan Bahan Batuan	70.39	73.42	73.06	69.43	69.00
Jumlah		569.34	641.73	1,362.06	1,027.40	1,069.45

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4. Perbelanjaan Mengurus

4.4.4.1. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada bayaran Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap, Perbelanjaan Lain dan Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Peruntukan asal yang diluluskan bagi perbelanjaan mengurus tahun 2015 berjumlah RM1.24 bilion. Peruntukan ini telah ditambah sejumrah RM214.36 juta atau 17.4% menjadi RM1.45 bilion selepas semakan semula. Peruntukan tambahan ini telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 14 April 2016. Sejumlah RM1.39 bilion atau 96.2% telah dibelanjakan daripada jumlah peruntukan yang diluluskan. Maklumat lanjut adalah seperti di **Jadual 4.14**.

Jadual 4.14
Perbelanjaan Mengurus Sebenar Berbanding Anggaran Tahun 2015

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Anggaran Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Pencapaian (%)
1	Emolumen	425.17	404.50	95.1
2	Perkhidmatan Dan Bekalan	320.23	295.65	92.3
3	Aset	33.43	30.40	90.9
4	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	625.58	620.18	99.1
5	Perbelanjaan Lain	45.36	44.26	97.6
Jumlah		1,449.77	1,394.99	96.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4.2. Pada keseluruhannya, perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri telah meningkat sejumrah RM210.59 juta atau 17.8% iaitu daripada RM1.18 bilion pada tahun 2014 menjadi RM1.39 bilion pada tahun 2015. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2015 berbanding 2014 mengikut maksud perbelanjaan adalah seperti di **Jadual 4.15**.

Jadual 4.15
Perbelanjaan Mengurus Tahun 2015 Berbanding 2014

Bil.	Maksud Perbelanjaan	2014	2015	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Emolumen	400.46	404.50	4.04	1.0
2	Perkhidmatan Dan Bekalan	267.54	295.65	28.11	10.5
3	Aset	24.29	30.40	6.11	25.1
4	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	471.34	620.18	148.84	31.6
5	Perbelanjaan Lain	20.77	44.26	23.49	113.1
Jumlah		1,184.40	1,394.99	210.59	17.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.4.3. Semakan Audit menunjukkan terdapat 5 butiran perbelanjaan mengurus mencatatkan peningkatan yang ketara antara RM4.5 juta hingga RM119.53 juta iaitu antara 35.8% hingga 8,325.9%. Perbelanjaan bagi Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap di bawah Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun yang berjumlah RM453.53 juta mencatatkan peningkatan tertinggi pada tahun 2015 iaitu sejumlah RM119.53 juta atau 35.8% berbanding RM334.00 juta pada tahun 2014. Peningkatan ini adalah untuk menampung tambahan peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan tahun 2015 dan mengurangkan defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan. Butiran perbelanjaan yang meningkat dengan ketara berserta punca peningkatan adalah seperti di **Jadual 4.16**.

Jadual 4.16
Peningkatan Perbelanjaan Mengurus Yang Ketara Tahun 2015 Berbanding 2014

Bil.	Butiran Perbelanjaan	2014	2015	Perubahan		Punca
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
1	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap - Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun	334.00	453.53	119.53	35.8	Menampung peruntukan perbelanjaan pembangunan tahun 2015 bagi mengurangkan defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan.
2	Perbelanjaan Lain - Perpendaharaan Negeri	5.60	28.97	23.37	417.3	Menampung bayaran balik hasil dan hapus kira yang diterima dalam tahun 2015.
3	Ganjaran - Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap – Pejabat Setiausaha Kerajaan	0.31	26.12	25.81	,325.8	Membayar Ganjaran Ketua Kampung yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).
4	Faedah-faedah Kewangan Yang Lain - Emolumen - Jabatan Agama Islam Johor	1.99	6.49	4.50	226.1	Pembayaran imbuhan tahun 2014 yang dibayar pada tahun 2015 dan pemberian bantuan khas tahun 2015.
5	Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain dan Hospitaliti - Perkhidmatan dan Bekalan - Jabatan Pendidikan Agama Islam Negeri Johor	7.95	17.21	9.26	116.5	Bayaran untuk kakitangan kontrak, sementara dan sambilan.
Jumlah		349.85	532.32	182.47	52.2	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri


4.4.4.4. Kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.17** dan **Carta 4.4**.

Jadual 4.17
Perbelanjaan Mengurus Tahun 2011 Hingga 2015

Bil.	Maksud Perbelanjaan	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
1	Emolumen	336.30	381.31	405.35	400.46	404.50
2	Perkhidmatan Dan Bekalan	220.01	243.17	263.17	267.54	295.65
3	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	266.19	223.29	407.79	471.34	620.18
4	Aset Dan Perbelanjaan Lain	12.87	66.36	34.43	45.06	74.66
Jumlah		835.37	914.13	1,110.74	1,184.40	1,394.99

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

Carta 4.4
Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2011 Hingga 2015



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.4.5. Bayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

4.4.5.1. Arahan Perbendaharaan 58(a) membenarkan perbelanjaan yang dipertanggungkan pada tahun kewangan yang lepas dibayar pada tahun semasa dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan dalam tahun perbelanjaan itu kena dibayar. Termasuk dalam perbelanjaan mengurus tahun 2015 adalah pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) berjumlah RM22.28 juta. Perbelanjaan ini menurun sedikit sejumrah RM0.46 juta atau 2.0% berbanding tahun 2014 yang berjumrah RM22.74 juta. Jabatan Kerja Raya, Ibu Pejabat Johor Bahru mencatatkan perbelanjaan tertinggi di bawah AP 58(a) pada tahun 2015 iaitu meningkat mendadak sejumrah RM1.69 juta kepada RM1.82 juta atau 1,300% berbanding RM0.13 juta pada tahun 2014. Antara perbelanjaan terlibat ialah bayaran penyewaan khemah dan kelengkapan untuk majlis-majlis Kerajaan Negeri, bayaran utiliti, tuntutan perjalanan, tuntutan elauan lebih masa tahun 2015, bayaran bil perubatan, baik pulih bangunan dan lawatan kerja ke luar negara.

Pembayaran di bawah AP 58(a) bagi tahun 2015 berbanding 2014 adalah seperti di **Jadual 4.18**.

Jadual 4.18
Pembayaran Di Bawah AP 58(a) Tahun 2015 Berbanding 2014

Bil.	Pusat Tanggungjawab (PTJ)	2014	2015	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Jabatan Kerja Raya – Ibu Pejabat	0.13	1.82	1.69	1,300.0
2	Jabatan Agama – Ibu Pejabat	0.69	1.21	0.52	75.4
3	Dewan Undangan Negeri Johor	0.41	0.70	0.29	70.7
4	Pejabat Kebun Bunga Kerajaan	0.08	0.22	0.14	175.0
5	Pejabat Tanah Dan Galian Johor	0.31	0.44	0.13	41.9
6	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	0.02	0.14	0.12	600.0
7	Jabatan Pengairan Dan Saliran – Ibu Pejabat	0.07	0.16	0.09	128.6
8	Pejabat Menteri Besar	0.07	0.13	0.06	85.7
9	Jabatan Hutan Mersing	0.04	0.09	0.05	125.0
10	Pejabat Agama Daerah Batu Pahat	0.002	0.05	0.05	2,500.0
11	Lain-lain PTJ (105 PTJ)	20.92	17.32	-3.60	-17.2
Jumlah		22.74	22.28	-0.46	2.0

Sumber: Laporan SPEKs

4.4.5.2. Walaupun perbelanjaan di bawah AP58(a) menurun tetapi kelewatan mengemukakan tuntutan dan pengendalian majlis/program rasmi yang tiada dalam perancangan tetapi perlu dilaksanakan pada akhir tahun serta memerlukan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri menyumbang kepada perbelanjaan ini.

4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

4.5.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Kumpulan Wang Lain yang berkaitan. Pada akhir tahun 2015, Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar berbanding RM10.18 juta pada akhir tahun 2014 seperti di **Jadual 4.19**. Baki Akaun Pinjaman Disatukan menjadi kosong sebagaimana kehendak Piawaian Perakaunan Kerajaan 5 (PPK 5) iaitu pinjaman yang diambil untuk tujuan pembangunan dan perumahan yang telah dikreditkan ke Akaun Pinjaman Disatukan perlu dipindahkan ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Kumpulan Wang lain yang berkaitan.

Jadual 4.19
Kedudukan Akaun Pinjaman Disatukan Tahun 2015 Berbanding 2014

Butiran	2014	2015	Perubahan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	48.16	10.18	-37.98	-78.9
Terimaan	64.00	0.00	-64.00	-100.0
Bayaran/Pindahan	101.98	10.18	-91.8	-90.00
Baki Pada 31 Disember	10.18	0.00	-10.18	-100.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.5.2. Pada tahun 2015, tiada pinjaman baru diterima oleh Kerajaan Negeri Johor daripada Kerajaan Persekutuan. Akaun Pinjaman Disatukan yang berbaki RM10.18 juta pada tahun 2014 merupakan pinjaman untuk Projek Pembersihan Sungai Melibatkan Penempatan Semula Penduduk Di Sungai Tebrau, Johor Bahru dan telah dipindahkan ke Akaun Amanah tersebut pada tahun 2015.

4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN

4.6.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c) Akta Tatacara Kewangan 1957 dan terbahagi kepada 3 kumpulan wang iaitu Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah dan Surat Cara Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini mengakaunkan semua wang yang diterima sebagai amanah dan digunakan mengikut terma-terma amanah tersebut. Baki Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2015 adalah berjumlah RM1,628.54 juta berbanding RM1,454.59 juta pada akhir tahun 2014 iaitu meningkat sejumlah RM173.95 juta atau 11.9%. Baki Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2015 berbanding tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 4.20**.

Jadual 4.20
Akaun Amanah Disatukan Tahun 2015 Berbanding 2014

Bil.	Butiran	2014	2015	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	515.89	537.83	21.94	4.3
2	Kumpulan Wang Amanah Awam	622.19	737.42	115.23	18.5
3	Akaun Wang Deposit	316.51	353.29	36.78	11.6
Jumlah		1,454.59	1,628.54	173.95	11.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk maksud tertentu. Kumpulan Wang ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kumpulan wang ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

4.6.2.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan (Akta 70 Tahun 1966) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi Kumpulan Wang ini terdiri daripada caruman Akaun Hasil, pemberian Kerajaan Persekutuan dan pelbagai terimaan. Kumpulan Wang Pembangunan hanya boleh dibelanjakan bagi maksud yang ditentukan oleh Akta tersebut.

- b. Pada tahun 2015, terimaan kumpulan wang ini berjumlah RM482.12 juta terdiri daripada caruman Akaun Hasil Disatukan, pemberian Kerajaan Persekutuan, jualan rumah kos rendah dan pelbagai terimaan. Terimaan tahun 2015 meningkat RM62.40 juta atau 14.9% yang sebahagian besarnya disebabkan pertambahan sejumlah RM119.53 juta pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan iaitu daripada RM334.00 juta pada tahun 2014 kepada RM453.53 juta pada tahun 2015. Daripada jumlah ini, sejumlah RM408.45 juta atau 83.4% daripada peruntukan tersebut telah dibelanjakan iaitu meningkat sejumlah RM32.64 juta atau 8.7% berbanding perbelanjaan tahun 2014 berjumlah RM375.81 juta. Peningkatan terimaan pada tahun 2015 menyumbang kepada surplus pada tahun semasa berjumlah RM73.67 juta berbanding RM43.91 juta pada tahun 2014. Walaupun kumpulan wang ini mencatatkan peningkatan surplus, baki Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2015 masih mencatatkan defisit berjumlah RM239.30 juta berbanding defisit RM312.97 juta pada tahun 2014 dengan penurunan sejumlah RM73.67 juta atau 23.5%. Analisis perbandingan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2015 dan 2014 adalah seperti di **Jadual 4.21**.

Jadual 4.21
Kedudukan Kumpulan Wang Pembangunan
Tahun 2015 Berbanding 2014

Butiran	2014	2015	Perubahan	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	-356.88	-312.97	43.91	12.3
Terimaan	419.72	482.12	62.40	14.9
Perbelanjaan	375.81	408.45	32.64	8.7
Surplus	43.91	73.67	29.76	67.8
Baki Pada 31 Disember	-312.97	-239.30	73.67	23.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.2.2. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Pinjaman, Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Pelbagai Kumpulan Wang, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor. Pada akhir tahun 2015, baki Kumpulan Wang ini menurun sejumlah RM51.73 juta atau 6.2% kepada RM777.13 juta berbanding RM828.86 juta pada tahun 2014. Kedudukan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun 2015 berbanding 2014 adalah seperti di **Jadual 4.22**.

Jadual 4.22
Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan
Tahun 2015 Berbanding 2014

Bil.	Perihal	2014	2015	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Akaun Pinjaman	73.70	27.28	-46.42	-62.9
2	Akaun Penyelesaian	52.25	72.12	19.87	38.0
3	Akaun Perniagaan	0.60	0.60	0.00	0.0
4	Pelbagai Kumpulan Wang	14.94	14.94	0.00	0.0
5	Kumpulan Wang Luar Jangka	0.50	0.50	0.00	0.0
6	Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor	686.87	661.69	-25.18	-3.7
Jumlah		828.86	777.13	-51.73	-6.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.2.3. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor

- a. Mulai 1 Ogos 2013, Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor diselenggarakan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Sebelum tarikh tersebut, akaun amanah ini diselenggarakan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957. Sumber kewangan kumpulan wang amanah ini adalah daripada pemberian Kerajaan Persekutuan yang digunakan khusus bagi membiayai program penyenggaraan semua jalan raya negeri yang dikawal oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor. Pada tahun 2015, sejumlah RM544.33 juta terimaan daripada Kerajaan Persekutuan telah diakaunkan ke kumpulan wang ini. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor pada 31 Disember 2015 ialah RM661.69 juta. Baki kumpulan wang amanah tersebut menurun sejumlah RM25.18 juta atau 3.7% berbanding baki berjumlah RM686.87 juta pada akhir tahun 2014. Peratus penggunaan iaitu perbelanjaan berbanding terimaan serta baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015 terus meningkat setiap tahun kepada 104.6% daripada terimaan dan 46.3% daripada jumlah baki Kumpulan Wang pada tahun 2015 seperti di **Jadual 4.23**.

Jadual 4.23
Kedudukan Akaun Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor
Tahun 2011 Hingga 2015

Tahun	Baki Pada 1 Januari (RM Juta)	Terimaan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Baki Pada 31 Disember (RM Juta)	Penggunaan	
					Per Terimaan (%)	Per Jumlah Baki Kumpulan Wang (%)
2011	400.23	318.11	255.15	463.19	80.2	35.5
2012	463.19	373.73	285.76	551.16	76.5	34.1
2013	551.16	493.11	353.33	690.94	71.7	33.8
2014	690.94	531.23	535.30	686.87	100.8	43.8
2015	686.87	544.33	569.51	661.69	104.6	46.3

Sumber: Akaun Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Raya Negeri Johor

- b. Peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan yang diterima pada tahun 2015 meningkat sejumlah RM13.1 juta seiring dengan peningkatan panjang jalan negeri yang didaftarkan pada tahun 2015 iaitu 19,328.57 km berbanding 19,324.45 km pada tahun 2014. Peningkatan perbelanjaan tahun 2015 memberi kesan kepada penurunan baki akaun amanah sebanyak RM25.18 juta atau 3.7% walaupun masih menunjukkan baki yang tinggi. Peningkatan perbelanjaan yang berterusan adalah baik bagi memastikan jalan negeri sentiasa menepati standard ditetapkan.

4.6.3. Kumpulan Wang Amanah Awam

4.6.3.1. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Khas yang dipegang oleh Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu. Sumber kewangan Kumpulan Wang Amanah Awam adalah terimaan daripada orang awam yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri.

4.6.3.2. Akaun Wang Amanah Awam

- a. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri Johor mempunyai 65 Akaun Wang Amanah Awam yang dikendalikan oleh 15 Jabatan Negeri yang berbaki RM737.42 juta. Jumlah tersebut meningkat sejumlah RM115.23 juta atau 18.5% berbanding baki tahun 2014 yang berjumlah RM622.19 juta. Faktor utama peningkatan ialah pembukaan 7 akaun amanah baru yang diselenggarakan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor, Setiausaha Kerajaan Negeri Johor Bahagian Pengurusan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor dan Pejabat Tanah Daerah Kota Tinggi. Senarai 7 akaun amanah baru tersebut adalah seperti di **Jadual 4.24**.

Jadual 4.24
Akaun Amanah Baru Bagi Tahun 2015

Bil.	Akaun Amanah	Terimaan (RM Juta)	Objektif Penubuhan
1	Tabung Pembangunan Nelayan Negeri Johor	20.08	Mengakaunkan terimaan sumbangan dari pemaju-pemaju di kawasan kerja-kerja pembangunan dan penambakan yang dijalankan untuk pembangunan nelayan Negeri Johor.
2	Pangsapuri Persiaran Tanjung	4.46	Memperakukan urus niaga jual beli 28 unit Kuarters Kerajaan Pangsapuri Persiaran Tanjung, Wang pendahuluan dari Tabung Amanah Bayaran Sumbangan Kuota Bumiputera serta bayaran balik jumlah yang didahulukan, Bayaran tunggakan yuran penyelenggaraan unit-unit berkaitan kepada pihak <i>Management Consultant</i> Persiaran Tanjung, bayaran hutang-hutang lain berkaitan Kuarters Kerajaan seandainya terdapat lebihan baki daripada hasil jualan, bayaran fee kepada syarikat Ejen Hartanah Berdaftar yang dilantik untuk mengendalikan urusan jual beli dan bayaran fee kepada syarikat guaman dan kos-kos lain yang terlibat dalam urusan pindah milik harta.

Bil.	Akaun Amanah	Terimaan (RM Juta)	Objektif Penubuhan
3	Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Ugama Malaysia (KESSUMA)	0.40	Mengakaunkan peruntukan dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan kontinjen negeri-negeri yang terlibat bagi menampung perbelanjaan sempena Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah Ugama Malaysia (KESSUMA) Peringkat Kebangsaan Tahun 2015.
4	Pengambilan Balik Tanah Projek Pengagihan Tenaga Elektrik dan Loji Janakuasa PETRONAS Ke Nasional Grid Pengerang	5.86	Mengakaunkan terimaan dan bayaran daripada Pengerang Power Sdn Bhd. kepada pemilik tanah sebagai ganti rugi pengambilan balik tanah bagi Projek Pengagihan Tenaga Elektrik Dari Loji Janakuasa Petronas ke Nasional Grid di Mukim Pengerang.
5	Pembinaan Istana Johor (Baru), Bukit Persekutuan, Kuala Lumpur	121.50	Mengakaun terimaan wang daripada pihak Kerajaan dan Badan Berkanun untuk pembayaran bagi kerja-kerja pembinaan Istana Johor (Baru) di Bukit Persekutuan, Kuala Lumpur dan Kerja-Kerja Berkaitan (MMKJ).
6	Kompleks Pekan Rabu Daerah Kluang	1.49	Mengakaun terimaan dan perbelanjaan bagi kerja-kerja menaik taraf Kompleks Pekan Rabu, Daerah Kluang dengan menggunakan sebahagian pulangan daripada Projek Penswastaan Pembangunan di atas Lot 478, Bandar Kluang, Johor oleh IBZI Development (Johor) Sdn. Bhd. sejumlah RM1.49 juta.
7	Pelupusan Tanah PTB 19200, Bandar Johor Bahru	0.68	Mengakaun terimaan balasan tunai daripada pelupusan tanah Projek Penswastaan oleh pihak syarikat dan perbelanjaan penyelarasan bagi kerja-kerja pengubahan syarat nyata hakmilik dan mengukur tanah bagi pengeluaran bebanan tanah PTB 19200 oleh pihak syarikat.
Jumlah		154.47	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- b. Pada tahun 2015 sebanyak 4 Akaun Amanah Awam yang tidak aktif dan tidak diperlukan telah ditutup manakala 5 akaun amanah lain berbaki RM1.79 juta yang tidak aktif antara 4 hingga 9 tahun masih belum ditutup. Maklumat lanjut seperti di **Jadual 4.25**.

Jadual 4.25
Akaun Amanah Awam Yang Tidak Aktif Tetapi Masih Belum Ditutup

Bil.	Nama Akaun Amanah	Tidak Aktif Semenjak Tahun	Baki Pada 31 Disember 2015 (RM Juta)
1	Akaun Amanah Pembangunan Pusat Pentadbiran Baru Nusajaya	2010	0.49
2	Program Kejiranan LESTARI Negeri Johor	2012	0.48
3	Akaun Amanah Kerja Menyelamat Dan Penyediaan Master Plan Balai Bukit Zahrah	2006	0.25
4	Akaun Amanah Pembinaan Dewan Serba Guna Taman Desa Jaya, Mukim Plentong, Johor Bahru	2011	0.39
5	Majlis Keselamatan Jalan Raya Negeri Johor	2011	0.18
Jumlah			1.79

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.6.4. Akaun Wang Deposit

4.6.4.1. Wang Deposit merupakan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang tertentu atau perjanjian yang dipegang untuk satu jangka masa tertentu akan dibayar balik kepada pendeposit setelah maksudnya tercapai. Analisis Audit terhadap Akaun Wang Deposit mendapati perkara seperti berikut:

4.6.4.2. Pada akhir tahun 2015, Kerajaan Negeri mempunyai 18 jenis deposit yang diselenggarakan oleh 36 Jabatan melalui 101 akaun deposit yang berbaki RM353.29 juta. Baki tersebut telah meningkat sejumlah RM36.78 juta atau 11.6% berbanding tahun 2014 yang berjumlah RM316.51 juta. Peningkatan ini disebabkan baki akaun Deposit Tanah yang meningkat dengan ketara iaitu sejumlah RM28.38 juta atau 18.3% iaitu kepada RM183.61 juta berbanding RM155.23 juta pada tahun 2014. Pejabat Tanah Batu Pahat merupakan penyumbang utama peningkatan baki deposit tahun 2015 iaitu sejumlah RM12.28 juta berbanding baki tahun 2014.

4.6.4.3. Sehingga akhir tahun 2015, baki Akaun Deposit Perusahaan Pukat Tunda di Jabatan Perikanan Negeri Johor telah tidak bergerak melebihi 13 tahun iaitu semenjak tahun 2003 dengan baki berjumlah RM17,650. Sekiranya deposit tersebut tidak diperlukan lagi, Pengarah Jabatan Perikanan hendaklah mengambil tindakan mewartakannya seperti kehendak Arahan Perbendaharaan 162.

4.7. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

4.7.1. Pada tahun 2015, sumber dana Kerajaan Negeri berjumlah RM1.55 bilion terdiri daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil. Penggunaan dana bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan adalah berjumlah RM1.35 bilion. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri mencatatkan lebihan dana berjumlah RM198.91 juta bagi membiayai perbelanjaannya berbanding RM317.60 juta pada tahun 2014. Lebihan dana tersebut dibiayai dengan terimaan balik pinjaman dan pelbagai terimaan. Butiran penyata prestasi kewangan adalah seperti di **Jadual 4.26**.

Jadual 4.26
Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Dan 2015

Butiran	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	Perubahan	
			(RM Juta)	(%)
Jumlah Hasil	1,543.81	1,548.83	5.02	0.3
(-) Belanja Mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan)	850.40	941.46	91.06	10.7
(-) Belanja Pembangunan	375.81	408.45	32.64	8.7
Jumlah Perbelanjaan	1,226.21	1,349.91	123.70	10.1
Lebihan	317.60	198.92	-118.68	-37.4
Kurangan Dibiayai Oleh:				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	26.01	-10.18	-36.19	-139.1
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	21.72	28.59	6.87	31.6
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	-365.33	-217.33	148.00	-40.5
Jumlah Pembiayaan	-317.60	-198.92	118.68	-37.4

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.7.2. Analisis Audit mendapati hasil Kerajaan Negeri menunjukkan sedikit penurunan sejumlah RM5.02 juta atau 0.3% iaitu daripada RM1.54 bilion pada tahun 2014 kepada RM1.55 bilion pada tahun 2015. Perbelanjaan pula menunjukkan peningkatan sejumlah RM123.70 juta atau 10.1% daripada RM1.23 bilion pada tahun 2014 kepada RM1.35 bilion pada tahun 2015. Peningkatan perbelanjaan yang tidak selari dengan peningkatan hasil pada tahun 2015 memberi kesan kepada prestasi kewangan Kerajaan Negeri iaitu penurunan lebih daripada RM317.60 juta kepada RM198.92 juta pada tahun 2015.

4.8. AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan kerajaan yang tidak dinyatakan dalam Lembaran Imbang. Penyata ini terdiri daripada Penyata Akaun Memorandum Aset dan Penyata Akaun Memorandum Liabiliti. Penyata Akaun Memorandum Aset menunjukkan kedudukan pinjaman boleh dituntut, pelaburan dan tunggakan hasil, manakala Penyata Akaun Liabiliti menunjukkan kedudukan hutang awam dalam negeri.

4.8.1. Pinjaman Boleh Dituntut

4.8.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut adalah merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Agensi Negeri/Syarikat dan Pihak Berkuasa Tempatan dengan menggunakan sumber Kerajaan Negeri atau pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan.

4.8.1.2. Analisis Audit mendapati baki pinjaman boleh dituntut pada akhir tahun 2015 meningkat sejumlah RM99.04 juta atau 22.8% iaitu daripada RM434.38 juta pada tahun 2014 menjadi RM533.42 juta pada tahun 2015. Peningkatan ketara ini disebabkan Kerajaan Negeri memberi pinjaman baru berjumlah RM110 juta kepada 2 agensi negeri bagi tujuan Projek Membina Rumah Mampu Milik. Sejumlah RM60 juta dipinjamkan kepada PIJ Holdings Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat kepada Perbadanan Islam Johor dan baki RM50 juta kepada Johor Land Berhad anak syarikat kepada Perbadanan Johor. Sehingga akhir tahun 2015, masih tiada bayaran balik dibuat oleh Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd. terhadap pinjaman berjumlah RM352.42 juta. Kedudukan baki pinjaman boleh dituntut pada tahun 2015 berbanding 2014 adalah seperti di **Jadual 4.27**.

Jadual 4.27
Pinjaman Boleh Dituntut Tahun 2015 Berbanding 2014

Bil.	Agensi	Jumlah Pinjaman (RM Juta)	2014	2015	Perubahan	
			(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Badan Berkanun Negeri						
1	Perbadanan Johor	130.40	79.06	69.85	-9.21	-11.6
2	Johor Land Berhad	50.00	0.00	50.00	50.00	100.0
3	PIJ Holdings Sdn. Bhd.	60.00	0.00	60.00	60.00	100.0
4	Perbadanan Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor	0.38	0.38	0.31	-0.07	-18.4
Pihak Berkuasa Tempatan						
5	2 Pihak Berkuasa Tempatan	5.32	2.52	0.84	-1.68	-66.7
Badan-Badan Lain						
6	Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd.	352.42	352.42	352.42	0.00	0.0
Jumlah		598.52	434.38	533.42	99.04	22.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.1.3. Kedudukan baki pinjaman tahun 2015 merupakan yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun kerana Kerajaan Negeri memberi pinjaman baru berjumlah RM110 juta kepada 2 agensi negeri bagi tujuan Projek Membina Rumah Mampu Milik. Kedudukan baki pinjaman boleh dituntut oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun iaitu bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.28**.

Jadual 4.28
Pinjaman Boleh Dituntut Oleh Kerajaan Negeri Tahun 2011 Hingga 2015

Bil.	Agensi	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
Badan Berkanun Negeri						
1	Perbadanan Johor	89.02	85.97	82.62	79.06	69.85
2	Johor Land Berhad	0	0	0	0	50.00
3	PIJ Holdings Sdn. Bhd.	0	0	0	0	60.00
4	Perbadanan Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor	0	0	0	0.38	0.31
Pihak Berkuasa Tempatan						
5	2 Pihak Berkuasa Tempatan	5.16	5.05	4.15	2.52	0.84
Badan-Badan Lain						
6	Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd.	334.51	352.42	352.42	352.42	352.42
Jumlah		428.69	443.44	439.19	434.38	533.42

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.1.4. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman

- Pada tahun 2015, jumlah tunggakan bayaran balik pinjaman (pokok dan faedah) dan anuiti tahun 2015 (RM3.70 juta) yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan Negeri ialah RM78.94 juta yang merupakan tunggakan daripada Perbadanan Johor. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM9.20 juta telah diterima oleh kerajaan pada tahun 2015 yang meliputi RM3.70 juta bayaran anuiti tahun 2015 bagi 7 pinjaman yang diterima pada tahun 2008 dan 2010. Manakala baki terimaan berjumlah RM5.50 juta adalah bayaran balik tunggakan pokok bagi pinjaman Projek RAKR Pelabuhan Pasir Gudang

Peringkat I & II yang diterima pada tahun 2014. Setelah mengambil kira bayaran balik yang dibuat dalam tahun 2015 tunggakan hutang Perbadanan telah berkurang kepada RM69.74 juta.

- b. Daripada baki RM69.74 juta (pokok dan faedah) tunggakan pada tahun 2015, RM2.49 juta adalah bagi Projek RAKR Pelabuhan Pasir Gudang Peringkat I & II manakala baki RM67.25 juta adalah tunggakan pinjaman bagi 4 projek Perbadanan Johor iaitu Projek Ladang Kelapa Sawit Tunjuk Laut, Projek Perindustrian Tanjung Langsat, Projek PUSPATRI dan Skim Amanah Saham Johor dan Dana Johor. Di peringkat Persekutuan, Perjanjian Penstruktur Semula Pinjaman telah dimeterai pada 17 Disember 2015 bagi menyelesaikan masalah tunggakan bayaran 4 projek terlibat. Bagaimanapun sehingga 30 April 2016, Kerajaan Negeri masih menyemak draf Perjanjian di antara Kerajaan Negeri dengan Perbadanan Johor sebelum ditandatangani. Kedudukan baki tunggakan bayaran balik pinjaman pada tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 4.29**.

Jadual 4.29
Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Tahun 2015

Agensi	Tunggakan Pada 1.1.2015 (RM Juta)	Anuiti 2015 (RM Juta)	Jumlah Patut Dijelaskan (RM Juta)	Jumlah Telah Dijelaskan (RM Juta)	Baki Pada 31.12.2015 (RM Juta)
Perbadanan Johor	75.82	3.70	78.94	9.20	69.74
Jumlah	75.82	3.70	78.94	9.20	69.74

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.2. Pelaburan

4.8.2.1. Pelaburan saham yang dilaporkan di Penyata Akaun Memorandum Pelaburan pada akhir tahun 2015 adalah berjumlah RM650.08 juta. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan bersih dalam Tabung Amanah Warisan Negeri Johor (Tabung) berjumlah RM548.08 juta, Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. berjumlah RM100 juta, Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd. berjumlah RM1 juta dan Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. berjumlah RM1 juta. Analisis Audit menunjukkan pelaburan ini meningkat sejumlah RM42.28 juta atau 6.9% berbanding baki berjumlah RM607.80 juta pada tahun 2014. Ini disebabkan pelaburan bersih dalam Tabung telah meningkat sejumlah RM42.28 juta atau 8.4% menjadi RM548.08 juta pada tahun 2015 berbanding sejumlah RM505.80 juta pada tahun 2014. Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri Johor mengikut Akaun Memorandum Pelaburan pada tahun 2015 berbanding 2014 adalah seperti di **Jadual 4.30**.

Jadual 4.30
Kedudukan Pelaburan Tahun 2015 Berbanding 2014

Bil.	Agensi/Syarikat	2014	2015	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Tabung Amanah Warisan Negeri Johor	505.80	548.08	42.28	8.4
2	Syarikat Air Johor Sdn. Bhd.	100.00	100.00	0	0
3	Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.	1.00	1.00	0	0
4	Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd.	1.00	1.00	0	0
Jumlah		607.80	650.08	42.28	6.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.2.2. Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri mengikut Penyata Akaun Memorandum Pelaburan bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.31** di mana pelaburan tahun 2015 adalah yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun kebelakangan.

Jadual 4.31
Kedudukan Pelaburan Tahun 2011 Hingga 2015


Bil.	Agensi/Syarikat	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
1	Tabung Amanah Warisan Negeri Johor	348.75	437.68	470.12	505.80	548.08
2	Syarikat Air Johor Sdn. Bhd.	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
3	Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd.	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
4	Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd.	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
Jumlah		450.75	539.68	572.12	607.80	650.08

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.2.3. Analisis Audit terhadap prestasi pelaburan oleh Tabung mendapati pelaburan dalam bentuk saham jangka panjang dan jangka pendek telah meningkat sejumlah RM42.28 juta atau 8.4% iaitu daripada RM505.80 juta pada tahun 2014 kepada RM548.08 juta pada tahun 2015. Pelaburan dalam Tabung memberikan pendapatan dan dividen berjumlah RM43.08 juta pada tahun 2015 berbanding RM36.14 juta pada tahun 2014.

4.8.2.4. Pelaburan Kerajaan Negeri Johor dalam 3 syarikat subsidiarinya tidak menunjukkan perubahan bagi tempoh 5 tahun. Pada tahun 2015, Kerajaan Negeri menerima dividen daripada Kumpulan Prasarana Rakyat Johor Sdn. Bhd. berjumlah RM20 juta iaitu turun sejumlah RM10 juta berbanding RM30 juta pada tahun 2014. Dua syarikat subsidiari yang lain iaitu Syarikat Air Johor Sdn. Bhd. dan Syarikat Permodalan Darul Ta'zim Sdn. Bhd. tidak pernah memberi dividen kepada Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2011 hingga 2015 atau tahun-tahun sebelumnya. Kedudukan pelaburan dan pulangan dividen Kerajaan Negeri dalam 3 syarikat subsidiari bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Carta 4.5**.

Carta 4.5
Kedudukan Pelaburan Dan Pulangan Dividen Tahun 2011 Hingga 2015



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.3. Hutang Awam

4.8.3.1. Pada akhir tahun 2015, baki hutang awam Kerajaan Negeri Johor adalah berjumlah RM566.10 juta berbanding RM583.92 juta pada tahun 2014 iaitu menurun sejumlah RM17.82 juta (pokok dan faedah) atau 3.1%. Penurunan ini disebabkan oleh bayaran balik pinjaman berjumlah RM14.91 juta yang dibuat mengikut tarikh matang dan baki RM2.91 juta pula melibatkan penyelesaian penuh baki hutang 2 pinjaman. Projek yang terlibat dengan penyelesaian penuh ialah Projek RAKR Rumah Pangsa Batu Pahat berjumlah RM368,279 dan Projek Ladang Hutan Kompesatori berjumlah RM2.54 juta. Semua hutang tersebut merupakan pinjaman Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Kedudukan hutang awam Kerajaan Negeri Johor pada tahun 2015 berbanding pada tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 4.32**.

Jadual 4.32
Hutang Awam Kerajaan Negeri Dengan Kerajaan Persekutuan
Tahun 2015 Berbanding Tahun 2014

Bil.	Pinjaman	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	24.16	21.50	-2.66	-11.0
2	Projek Bekalan Air	334.51	334.51	0	0
3	Projek Perbadanan Johor	73.56	69.85	-3.71	-5.1
4	Pinjaman Lain	151.69	140.24	-11.45	-7.6
Jumlah		583.92	566.10	-17.82	-3.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.3.2. Pinjaman Kerajaan Negeri bagi maksud Projek Bekalan Air berjumlah RM334.51 juta masih tidak berubah sejak tahun 2011 yang mana sepatutnya telah diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) melalui Proses Migrasi Bekalan Air. Pihak Kerajaan Negeri melalui Perbendaharaan Negeri telah beberapa kali memohon daripada

Kementerian Kewangan Malaysia agar isu ini dapat diselesaikan. Pihak Perbendaharaan Negeri Johor kini dalam proses untuk mengemukakan cadangan penyelesaian baru kepada Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan sebelum mengemukakan permohonan sekali lagi kepada Kementerian Kewangan Malaysia. Kedudukan hutang awam Kerajaan Negeri Johor bagi tempoh 5 tahun iaitu bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.33** dan **Carta 4.6**.

Jadual 4.33
Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri Tahun 2011 Hingga 2015

Bil.	Pinjaman	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
1	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	33.03	29.08	26.38	24.16	21.50
2	Projek Bekalan Air	334.51	334.51	334.51	334.51	334.51
3	Projek Perbadanan Johor	84.04	80.54	77.12	73.56	69.85
4	Pinjaman Lain	31.12	24.93	104.38	151.69	140.24
Jumlah		482.70	469.06	542.39	583.92	566.10

Sumber: Perbendaharaan Negeri

Carta 4.6
Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri Tahun 2011 Hingga 2015




Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

4.8.3.3. Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam

- Analisis Audit mendapati bayaran balik hutang awam oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2015 menurun sejumlah RM5.02 juta atau 17.7% berbanding RM28.29 juta pada tahun 2014. Penurunan disebabkan oleh terdapat pinjaman-pinjaman yang telah habis dibayar sama ada kerana tempoh pinjaman telah tamat atau penyelesaian penuh pinjaman mendahului jadual oleh Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Kedudukan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Carta 4.7**.

Carta 4.7
Kedudukan Bayaran Balik Pinjaman Kerajaan Negeri Tahun 2011 Hingga 2015



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

- b. Analisis Audit mendapati kedudukan tunggakan bayaran balik hutang awam Kerajaan Negeri bagi tahun 2011 hingga 2015 menunjukkan penurunan setiap tahun di mana tunggakan hutang awam pada tahun 2015 menunjukkan penurunan paling ketara dalam tempoh 5 tahun. Tunggakan bayaran balik hutang awam Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan menurun sejumlah RM65.07 juta atau 93.3% menjadi RM4.67 juta pada akhir tahun 2015 berbanding RM69.74 juta pada tahun 2014.
- c. Penurunan ini disebabkan oleh penjadualan semula tunggakan pinjaman bagi projek di bawah Perbadanan Johor sebanyak RM69.74 juta. Projek yang terlibat adalah Projek Ladang Kelapa Sawit Tunjuk Laut, Projek Perindustrian Tanjung Langsat, Projek PUSPATRI dan Skim Amanah Saham Johor dan Dana Johor. Tunggakan sebanyak RM4.67 juta merupakan bayaran anuiti tahun 2015 untuk Pinjaman Perbadanan Johor yang tidak dapat dijelaskan dalam tahun 2015 kerana perjanjian penjadualan semula pinjaman hanya di tandatangani pada 17 Disember 2015 dan diterima pada tahun 2016. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Jadual 4.34**.

Jadual 4.34
Tunggakan Bayaran Balik Hutang Awam Kerajaan Negeri Tahun 2011 Hingga 2015

Bil.	Pinjaman	2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
1	Projek Perumahan Awam Kos Rendah	0.67	0	0	0	0
2	Projek Bekalan Air	0	0	0	0	0
3	Projek Perbadanan Johor	68.54	69.74	69.74	69.74	4.67
4	Pinjaman Lain	26.79	21.92	19.12	0	0
Jumlah		96.00	91.66	88.86	69.74	4.67

Sumber: Perbendaharaan Negeri

4.9. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

4.9.1. Akaun Belum Terima

4.9.1.1. Peraturan mengenai tunggakan hasil dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 89, yang menghendaki setiap Pegawai Pengawal menghantar penyata mengenai apa-apa hasil yang sepatutnya diterima pada 31 Disember kepada Perbendaharaan Negeri dengan salinannya kepada Jabatan Audit Negara. Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP10.6 juga menjelaskan dasar dan tatacara Akaun Belum Terima di mana tunggakan hasil adalah sebahagian daripadanya. Selain itu, Surat Arahan Bagi Penutupan Akaun Negeri melalui Pekeliling Perbendaharaan Negeri Johor Bil. 5 Tahun 2014 telah menetapkan kewajipan mengemukakan Penyata Tunggakan Hasil 2015.

4.9.1.2. Berdasarkan Penyata Tunggakan Hasil yang dikemukakan oleh Ketua Jabatan kepada Perbendaharaan Negeri Johor, tunggakan hasil bagi 38 pemungut hasil adalah berjumlah RM174.35 juta pada akhir tahun 2015. Semakan Audit mendapati sebahagian besar daripada tunggakan hasil ini merupakan hasil cukai tanah, sewa dan sewa beli rumah, cukai air mentah serta hasil penswastaan berjumlah RM171.68 juta atau 98.5% daripada keseluruhan jumlah tunggakan hasil tahun 2015. Keseluruhan tunggakan hasil menunjukkan penurunan sejumlah RM6.74 juta atau 3.7% berbanding tunggakan hasil tahun 2014 yang berjumlah RM181.09 juta. Kedudukan tunggakan hasil Kerajaan Negeri pada tahun 2015 berbanding tahun 2014 adalah seperti di **Jadual 4.35**.

Jadual 4.35

Kedudukan Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Tahun 2015 Berbanding 2014

Bil.	Butiran Hasil	2014	2015	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Cukai Tanah	90.48	85.91	-4.57	-5.1
2	Sewa Dan Sewa Beli Rumah	37.77	37.82	0.05	0.1
3	Cukai Air Mentah	33.51	35.80	2.29	6.8
4	Hasil Penswastaan	17.72	12.15	-5.57	-31.4
5	Hasil Lain	1.61	2.67	1.06	65.8
Jumlah		181.09	174.35	-6.74	-3.7

Sumber: Penyata Tunggakan Hasil Negeri

4.9.1.3. Daripada **Jadual 4.35**, cukai tanah mencatatkan tunggakan hasil tertinggi pada tahun 2015 iaitu mewakili 49.3% daripada keseluruhan tunggakan hasil walaupun menunjukkan pengurangan RM4.57 juta atau 5.1% daripada tahun 2014 yang berjumlah RM90.48 juta. Antara sebab penurunan tunggakan cukai tanah adalah seperti berikut:

- Pejabat Tanah dan Galian Negeri Johor (PTG) telah melakukan “taskforce” tunggakan cukai tanah dan pembersihan data dari semasa ke semasa di Pentadbiran Tanah Daerah.
- Pentadbiran Tanah Negeri Johor juga telah mengedarkan surat-surat peringatan dan Notis kepada pemilik-pemilik individu, industri dan pemaju dengan memfokuskan kepada nilai cukai tanah yang beramaun besar. Tindakan perampasan tanah juga telah dikeluarkan bagi pemilik tanah yang ingkar.

- c. Tindakan pihak PTG yang telah menjalankan kempen di setiap Pejabat Tanah Daerah dengan mengadakan kempen di tempat-tempat awam dan membuka kaunter bayaran di kawasan perniagaan dan kawasan perumahan bagi memudahkan bayaran cukai tanah dapat dibuat oleh orang awam.

4.9.1.4. Analisis Audit juga mendapati Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru masih mempunyai tunggakan hasil cukai tanah tertinggi iaitu RM46.71 juta dan diikuti oleh Pejabat Tanah Daerah Kulaijaya dengan jumlah RM11 juta pada tahun 2015. Peningkatan ini disebabkan berlaku peningkatan jumlah hak milik pada tahun 2015 yang kebanyakannya pemilik-pemilik tanah baru. Manakala Pejabat Tanah Daerah Pengerang dan Kluang merupakan antara jabatan yang berjaya mengurangkan tunggakan hasil cukai tanah pada tahun 2015. Pengurangan ketara tunggakan cukai di Pejabat Tanah Daerah Pengerang disebabkan sebuah syarikat pemaju di Pengerang telah menjelaskan tunggakan cukai berjumlah RM9.85 juta pada tahun 2015. Kedudukan tunggakan hasil cukai tanah bagi Pejabat Tanah Daerah pada tahun 2015 berbanding 2014 adalah seperti di **Jadual 4.36**.

Jadual 4.36
Tunggakan Hasil Cukai Tanah Tahun 2015 Berbanding 2014

Bil.	Pejabat Tanah Daerah	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1	Johor Bahru	43.38	46.71	3.33	7.7
2	Kulaijaya	10.37	11.00	0.63	6.1
3	Pengerang	9.85	0.78	-9.07	-92.1
4	Kluang	8.06	6.38	-1.68	-20.8
5	Batu Pahat	6.10	6.33	0.23	3.8
6	Kota Tinggi	3.21	4.18	0.97	30.2
7	Muar	2.30	2.55	0.25	10.9
8	Pontian	2.14	2.32	0.18	8.4
9	Ledang	1.94	2.18	0.24	12.4
10	Segamat	1.76	1.81	0.05	2.8
11	Mersing	0.65	0.93	0.28	43.1
12	Rengit	0.20	0.21	0.01	5.0
13	Kulai	0.12	0.13	0.01	8.3
14	Tangkak	0.01	0.01	-	-
15	Labis	0.39	0.39	-	-
Jumlah		90.48	85.91	-4.57	-5.1


Sumber: Penyata Tunggakan Hasil Negeri

4.9.1.5. Tunggakan Hasil Cukai Air Mentah pada tahun 2015 mencatatkan peningkatan sejumlah RM2.29 juta atau 6.8% berbanding RM33.51 juta pada tahun 2014. Sebahagian besar tunggakan Cukai Air Mentah adalah daripada Syarikat Air Johor Holdings Sdn. Bhd. dan Syarikat Air Melaka Berhad yang tertunggak sejak tahun 2013 dan 2014.

4.9.1.6. Tunggakan Hasil Penswastaan mencatatkan penurunan berjumlah RM5.57 juta atau 31.4% disebabkan oleh peningkatan bayaran daripada projek-projek penswastaan yang diterima mengikut tempoh perjanjian yang ditandatangani.

4.9.1.7. Analisis trend tunggakan hasil Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun iaitu bagi tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti di **Carta 4.8**.

Carta 4.8
Tunggakan Hasil Kerajaan Negeri Tahun 2011 Hingga 2015



Sumber: Penyata Tunggakan Hasil Negeri

4.10. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

4.10.1. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor pada akhir tahun 2015 adalah baik. Kumpulan Wang Disatukan tahun 2015 berjumlah RM2.63 bilion telah meningkat dengan ketara sejumlah RM317.60 juta atau 13.8% berbanding RM2.31 bilion tahun 2014. Kerajaan Negeri mencatatkan surplus berjumlah RM153.83 juta menjadikan Akaun Hasil Disatukan pada 31 Disember 2015 berbaki sejumlah RM998.50 juta. Hasil tahun 2015 telah meningkat sedikit sejumlah RM5.02 juta atau 0.3% berbanding tahun 2014. Prestasi perbelanjaan mengurus tahun 2015 berjumlah RM1.39 bilion pula meningkat sejumlah RM210.59 juta atau 17.8% berbanding tahun 2014. Pelaburan Kerajaan Negeri dalam simpanan tetap bertambah mendak 118.4% iaitu daripada RM467.19 juta pada tahun 2014 kepada RM1.02 bilion pada tahun 2015. Pada akhir tahun 2015, baki hutang awam adalah berjumlah RM566.10 juta berbanding RM583.92 juta pada tahun 2014 iaitu menurun sejumlah RM17.82 juta atau 3.1%. Penurunan ini disebabkan oleh bayaran balik pinjaman adalah mengikut tarikh matang dan terdapat 2 projek telah menyelesaikan sepenuhnya baki hutang melebihi anuiti tahunan ditetapkan. Tunggakan bayaran balik hutang awam Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan menurun dengan ketara sejumlah RM65.07 juta atau 93.3% menjadi RM4.67 juta pada akhir tahun 2015 berbanding RM69.74 juta pada tahun 2014.

4.10.2. Kerajaan Negeri perlu mempertingkat dan memperkuatkannya lagi prestasi kewangannya supaya sumber pendapatan yang diperoleh berterusan dapat menampung perbelanjaan mengurus dan menanggung tanggungan semasa. Penetapan *Key Performance Indicator* (KPI) dan operasi semua syarikat subsidiari perlu dipantau dengan tegas untuk memastikan pelaburan Kerajaan Negeri dalam syarikat subsidiari tersebut memberi pulangan yang sewajarnya.



BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN III

RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-10

5.1. Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Negeri Johor untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2011 hingga 2015. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Johor iaitu untuk mencapai pembangunan mampan dengan jaminan bahawa rakyatnya dapat menikmati urus tadbir yang baik, kualiti hidup yang tinggi dan tahap keperkasaan yang tinggi. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Johor mencapai status negeri maju pada tahun 2020.

5.1.1. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-10 Tahun 2011 Hingga 2015

Sepanjang tempoh RMKe-10, sejumlah RM2.00 bilion telah diperuntukkan kepada 13 Jabatan untuk pembangunan Negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM1.67 bilion atau 83.5% telah dibelanjakan sehingga akhir tahun 2015. Tiga daripada 13 Jabatan Negeri yang menerima peruntukan tertinggi adalah Jabatan Kerja Raya berjumlah RM789.20 juta atau 39.4%, Pejabat Menteri Besar berjumlah RM460.60 juta atau 23% dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor berjumlah RM155.16 juta atau 7.8%. Analisis Audit mendapati 5 Jabatan telah mencapai prestasi perbelanjaan antara 92.5% hingga 100% dan 7 Jabatan lain mencapai prestasi antara 68.9% hingga 86.2% daripada peruntukan RMKe-10. Sementara itu, 1 Jabatan hanya mencapai prestasi perbelanjaan sejumlah 31.4% daripada peruntukan yang diluluskan. Pembahagian peruntukan perbelanjaan pembangunan RMKe-10 adalah seperti di **Jadual 5.1**.

Jadual 5.1
Peruntukan Dan Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-10 Tahun 2011 Hingga 2015

Bil.	Jabatan Pelaksana	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pencapaian (%)
1	Jabatan Perikanan	3.34	1.05	31.4
2	Jabatan Pertanian	37.99	36.05	94.9
3	Jabatan Pengairan Dan Saliran	125.43	123.31	98.3
4	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	48.15	41.51	86.2
5	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Kerajaan Tempatan)	69.50	53.23	76.6
6	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Perumahan)	10.14	6.98	68.9
7	Pejabat Daerah Dan Tanah	240.50	229.73	95.5
8	Pejabat Menteri Besar	460.60	426.21	92.5
9	Jabatan Perhutanan	28.78	23.60	82.0
10	Jabatan Agama Islam Negeri Johor	155.16	113.87	73.4
11	Jabatan Lanskap	9.30	9.30	100.0
12	Jabatan Kerja Raya	789.20	588.33	74.6
13	Jabatan Pelancongan	23.40	18.30	78.2
Jumlah		2,001.49	1,671.47	83.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri

5.1.2. Pencapaian Pelaksanaan Projek Untuk Tempoh 5 Tahun Tahun 2011 Hingga 2015


Sepanjang tempoh RMKe-10, sebanyak 43,341 projek telah dirancang untuk dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 43,262 projek atau 99.85% telah siap dilaksanakan, manakala 22 projek atau 0.05% sedang dilaksanakan. Sebanyak 57 projek atau 0.1% lagi masih belum dimulakan atau ditangguhkan. Jabatan Agama Islam Negeri Johor mencatatkan bilangan projek belum mula yang paling tinggi iaitu sebanyak 28 projek, diikuti oleh Jabatan Perhutanan dengan 16 projek, Jabatan Perikanan sebanyak 12 projek dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar sebanyak 1 projek. Antara projek yang belum mula oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor ialah projek Membina Rumah Pegawai Masjid Jamek Kerajaan, Membina Dan Memperelokkan Pejabat Agama, Pembinaan Mahkamah Syariah, Pembinaan Pejabat Mufti Johor dan Pembinaan Kompleks Balai Cerap. Manakala Jabatan Perhutanan melibatkan Pengurusan Sumber Hutan, Pembangunan Sumber Hutan serta Infrastruktur dan Utiliti. Projek yang belum mula bagi Jabatan Perikanan melibatkan Pembangunan Pemesatan Akuakultur, Pemuliharaan Penyu dan Pembinaan Jeti manakala Jabatan Veterinar melibatkan projek Pembinaan Bangunan Lama di Pusat Latihan Veterinar. Antara sebab projek tersebut belum dimulakan/ditangguhkan/batal ialah kertas kerja cadangan projek belum mendapat kelulusan Pegawai Kewangan Negeri, kelewatan permohonan untuk memulakan projek, pewartaan, lewat mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan ketidakpatuhan peraturan kewangan terhadap tuntutan yang dikemukakan serta pindaan pelan cadangan. Pencapaian pelaksanaan projek RMKe-10 bagi tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 5.2** dan **Carta 5.1**.

**Jadual 5.2
Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Tahun 2011 Hingga 2015**

Bil.	Jabatan	Bilangan Projek Diluluskan	Projek Siap	Projek Sedang Dilaksanakan	Projek Belum Mula/Tangguh/Batal
1	Jabatan Perikanan	36	24	0	12
2	Jabatan Pertanian	2,705	2,705	0	0
3	Jabatan Pengairan Dan Saliran	569	569	0	0
4	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	289	288	0	1
5	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Kerajaan Tempatan)	287	287	0	0
6	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Perumahan)	66	66	0	0
7	Pejabat Daerah Dan Tanah	243	243	0	0
8	Pejabat Menteri Besar	37,024	37,024	0	0
9	Jabatan Perhutanan	289	273	0	16
10	Jabatan Agama Islam Negeri Johor	406	378	0	28
11	Jabatan Lanskap	413	413	0	0
12	Jabatan Kerja Raya	764	742	22	0
13	Jabatan Pelancongan	250	250	0	0
Jumlah		43,341	43,262	22	57

Sumber: Jabatan/Pejabat Negeri

Carta 5.1
Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-10 Tahun 2011 Hingga 2015



Sumber: Jabatan/Pejabat Negeri

5.1.3. Tiga projek terbesar berjumlah RM56 juta yang belum dimulakan sehingga akhir tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 5.3**.

Jadual 5.3
Projek Belum Mula Sehingga Akhir Tahun 2015

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM Juta)	Sebab Belum Mula
1	Cadangan Pembinaan Bangunan Jabatan Mufti Johor	26.00	Peringkat penyediaan cadangan pelan yang baru.
2	Cadangan Pembinaan Kompleks Pejabat Agama Islam Daerah Kota Tinggi	20.00	Projek seliaan Jabatan Kerja Raya dan masih dalam proses penyediaan reka bentuk.
3	Cadangan Pembinaan Kuarters Kakitangan Masjid Jamek Tanjung Agas, Pontian dan Segamat	10.00	Peringkat penyediaan kertas kerja, status tanah dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).
Jumlah		56.00	

Sumber: Jabatan/Pejabat Negeri

5.2. RUMUSAN

Pada keseluruhannya, pencapaian perbelanjaan RMKe-10 sehingga akhir tahun 2015 adalah baik di mana sejumlah RM1.67 bilion atau 83.5% daripada RM2.00 bilion yang diperuntukkan kepada 13 Jabatan Negeri telah dibelanjakan. Prestasi projek secara fizikal pula adalah sangat baik iaitu daripada 43,341 projek yang dirancang, sebanyak 43,262 projek atau 99.85% telah siap dilaksanakan sehingga tahun 2015. Namun masih terdapat 22 projek atau 0.05% projek sedang dilaksanakan dan 57 projek belum mula. Pelaksanaan projek pembangunan yang lancar akan dapat mempertingkatkan lagi taraf hidup rakyat Negeri Johor.



BAHAGIAN IV

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

BAHAGIAN IV

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

6. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan. Pengauditan dilaksanakan bagi mengesah dan memastikan penyata kewangan adalah bebas daripada kesalahan dan ketinggalan yang *material* serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan Akta dan Piawaian yang diluluskan.

6.1. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

6.1.1. Selaras dengan Seksyen 5(c) Akta Audit 1957, Jabatan Audit Negara melaksanakan pengauditan terhadap penyata kewangan Agensi Kerajaan Negeri bagi memastikan segala akaun serta rekod kewangan diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Sehingga akhir tahun 2014, terdapat 13 Badan Berkanun Negeri, 15 Pihak Berkuasa Tempatan dan satu Majlis Agama Islam di Negeri Johor tertakluk di bawah pengauditan penyata kewangan oleh Jabatan Audit Negara. Bagaimanapun, penyata kewangan 11 Badan Berkanun Negeri dan 14 Pihak Berkuasa Tempatan diaudit oleh firma audit swasta yang dilantik oleh Ketua Audit Negara. Pelantikan firma audit swasta adalah di bawah kuasa Ketua Audit Negara sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 7(3) Akta Audit 1957.

6.1.2. Bagi penyata kewangan yang diaudit oleh firma audit swasta, Jabatan Audit Negara akan memantau sebelum, semasa dan selepas pengauditan dilaksanakan bagi memastikan ia selaras dengan arahan yang ditetapkan. Sebelum pengauditan dilaksanakan, firma audit swasta dikehendaki menyediakan Memorandum Perancangan Audit dengan menyatakan antaranya pendekatan Audit, tempoh pengauditan dan pasukan Audit yang terlibat. Melalui memorandum ini, Jabatan Audit Negara dapat memastikan firma audit swasta mempunyai pendekatan dan liputan Audit yang mencukupi untuk melaksanakan pengauditan dalam tempoh yang ditetapkan.

6.1.3. Lawatan ke pejabat agensi semasa pengauditan dilaksanakan oleh firma audit swasta juga dilakukan bagi memastikan pasukan Audit yang terlibat terdiri daripada pegawai yang berkelayakan sebagaimana yang dinyatakan dalam Memorandum Perancangan Audit. Semasa lawatan, pihak firma audit swasta boleh berbincang dengan pihak Jabatan Audit Negara mengenai perkara berbangkit semasa pengauditan dilaksanakan yang membolehkan isu kurang ketara diselesaikan. Pada akhir pengauditan, firma audit swasta dikehendaki mengemukakan penemuan audit berserta fail kerja, laporan terperinci dan laporan juruaudit mengenai penyata kewangan yang diaudit. Fail kerja akan disemak untuk

memastikan perkara ketara dibangkitkan dan bukti audit adalah mencukupi serta memuaskan. Setiap akhir tahun, prestasi semua firma audit swasta akan dinilai dan diambil kira dalam membuat keputusan untuk ditawarkan bagi pengauditan penyata kewangan seterusnya.

6.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan hendaklah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara mengikut tempoh yang ditetapkan berdasarkan kepada Akta dan Enakmen yang berkaitan. Bagaimanapun bagi mempercepatkan penyerahan penyata kewangan, Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua Agensi mengemukakan penyata tahunan kepada Jabatan Audit Negara selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Sehingga 24 Jun 2016, sebanyak 19 Agensi Negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2015 untuk diaudit mengikut tempoh masa yang ditetapkan manakala 9 penyata kewangan Agensi Negeri dikemukakan selepas 31 Mac 2016. Satu Badan Berkanun Negeri iaitu Majlis Sukan Negeri Johor masih belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2015 untuk diaudit. Kedudukan penyerahan dan pengauditan Penyata Kewangan BBN, MAI dan PBT adalah seperti di **Jadual 6.1**.

Jadual 6.1
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2015

Bil.	Agenzi	Tarikh Penyerahan
Badan Berkanun Negeri		
1	Perbadanan Johor	7.3.2016
2	Perbadanan Taman Negara Johor	7.3.2016
3	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	29.3.2016
4	Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor	29.3.2016
5	Perbadanan Stadium Johor	29.3.2016
6	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	30.3.2016
7	Yayasan Pelajaran Johor	31.3.2016
8	Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-orang Islam Negeri Johor	21.4.2016
9	Perbadanan Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor	21.4.2016
10	Taman Ibrahim Muar	25.4.2016
11	Perbadanan Islam Johor	9.5.2016
12	Yayasan Warisan Negeri	12.6.2016
13	Majlis Sukan Negeri Johor	Belum Terima
Majlis Agama Islam		
1	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan	28.4.2016
Pihak Berkuasa Tempatan		
1	Majlis Daerah Pontian	14.2.2016
2	Majlis Daerah Mersing	24.3.2016
3	Majlis Perbandaran Kluang	28.3.2016
4	Majlis Daerah Yong Peng	28.3.2016
5	Majlis Bandaraya Johor Bahru	30.3.2016
6	Majlis Daerah Segamat	30.3.2016
7	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	31.3.2016
8	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	31.3.2016
9	Majlis Perbandaran Kulai	31.3.2016
10	Majlis Perbandaran Batu Pahat	31.3.2016
11	Majlis Daerah Tangkak	31.3.2016
12	Majlis Daerah Simpang Renggam	31.3.2016
13	Majlis Daerah Kota Tinggi	6.4.2016
14	Majlis Perbandaran Muar	25.4.2016
15	Majlis Daerah Labis	8.5.2016

Sumber: Jabatan Audit Negara

6.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Sehingga 24 Jun 2016, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan sebanyak 27 penyata kewangan tahun 2014 iaitu 11 penyata kewangan Badan Berkanun Negeri, satu Majlis Agama Islam dan 15 penyata kewangan Pihak Berkuasa Tempatan. Kesemua 27 akaun agensi negeri tersebut telah diberikan Sijil Tanpa Teguran. Bagi penyata kewangan tahun 2015, sebanyak 3 akaun Badan Berkanun Negeri dan 2 akaun Pihak Berkuasa Tempatan telah disahkan dengan Sijil Tanpa Teguran.

6.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Laporan Audit mengenai penyata kewangan yang telah disahkan hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Pada keseluruhannya, pembentangan penyata kewangan agensi yang telah disahkan di Dewan Undangan Negeri adalah baik di mana sehingga 24 Jun 2016, hanya 2 penyata kewangan bagi tahun kewangan 2014 masih belum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri. Agensi yang belum membentangkan penyata kewangan yang telah disahkan adalah Majlis Agama Islam Negeri Johor dan Majlis Daerah Labis. Penyata Kewangan Taman Ibrahim Muar tidak perlu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri.

6.5. PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang merangkumi prestasi secara menyeluruh, penggunaan geran pembangunan dan operasi adalah berdasarkan kepada 12 daripada 13 Badan Berkanun Negeri dan 15 Pihak Berkuasa Tempatan yang telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2015 sehingga 24 Jun 2016. Analisis prestasi kewangan adalah dilaporkan seperti berikut:

6.5.1. Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri

6.5.1.1. Analisis prestasi kewangan 12 Badan Berkanun Negeri adalah berdasarkan penyata kewangan tahun 2015 yang dikemukakan. Pada keseluruhannya, kedudukan kewangan tahun 2015 adalah baik berbanding tahun 2014. Pada akhir tahun 2015, lebihan pendapatan terkumpul atau keuntungan terkumpul meningkat sejumlah RM218.27 juta atau 11.2% dan lebihan jumlah aset meningkat sejumlah RM280.24 juta atau 13.7%. Lebihan pendapatan tahun semasa atau keuntungan tahun semasa turut meningkat sejumlah RM2.81 juta atau 1.3% berbanding tahun 2014 manakala prestasi aset semasa bersih meningkat dengan ketara sebanyak 137.0% atau RM699.31 juta terutamanya disebabkan oleh penurunan jumlah liabiliti semasa Perbadanan Johor melibatkan jumlah ter hutang kepada syarikat berkaitan dan lain-lain pembiutang. Perbadanan Johor juga merupakan penyumbang utama kepada peningkatan lebih pendapatan terkumpul iaitu sejumlah RM209 juta. Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri bagi tahun 2014 dan 2015 adalah seperti di **Jadual 6.2**.

Jadual 6.2
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Tahun 2014 Dan 2015

Bil.	Badan Berkanun Negeri	2014	2015	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Lebihan Pendapatan Terkumpul	1,945.02	2,163.29	218.27	11.2
2	Lebihan Jumlah Aset	2,046.17	2,326.41	280.24	13.7
3	Aset Semasa Bersih	-510.26	189.05	699.31	137.0
4	Lebihan Pendapatan Semasa	225.48	228.29	2.81	1.3

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

6.5.1.2. Analisis terhadap Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 mendapat 8 daripada 12 Badan Berkanun Negeri telah mencatatkan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan antara RM321,544 hingga RM219.00 juta. Perbadanan Johor mencatatkan lebihan pendapatan paling tinggi iaitu RM219.00 juta yang disumbangkan oleh pendapatan dividen dan pembangunan harta tanah dan industri. Empat Badan Berkanun Negeri mencatatkan pengurangan pendapatan bagi tahun 2015 iaitu sebanyak RM32,426 hingga RM1.70 juta yang disebabkan penurunan jumlah hasil dan sumbangan Kerajaan serta peningkatan perbelanjaan seperti perbelanjaan program baru, perkhidmatan, penyenggaraan dan utiliti.

6.5.1.3. Analisis terhadap Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2015 mendapat 11 daripada 12 Badan Berkanun Negeri berada dalam kedudukan stabil di mana aset semasa melebihi liabiliti semasa antara RM289,872 hingga RM126.00 juta. Perbadanan Johor mencatatkan aset semasa bersih paling tinggi iaitu berjumlah RM126.00 juta di mana aset semasa berjumlah RM1.12 bilion berbanding liabiliti semasa yang berjumlah RM992.00 juta. Antara aset semasa yang besar dimiliki oleh Perbadanan Johor ialah Penghutang Perdagangan Dan Lain-Lain sebanyak RM492.00 juta dan Kos Pembangunan Hartanah berjumlah RM348.00 juta. Sementara itu, satu Badan Berkanun Negeri mengalami liabiliti semasa bersih iaitu Taman Ibrahim Muar dengan jumlah RM231,812. Prestasi kewangan 12 Badan Berkanun Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 adalah seperti di **Jadual 6.3**.

Jadual 6.3
Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Penyata Pendapatan			Lembaran Imbangan		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset/Liabiliti Semasa Bersih (RM Juta)
1	Perbadanan Johor	744.00	525.00	219.00	1,118.00	992.00	126.00
2	Perbadanan Islam Johor	9.06	7.10	1.96	19.11	2.27	16.84
3	Yayasan Warisan Negeri Johor	18.66	20.36	-1.70	16.07	2.17	13.90
4	Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor	4.18	2.11	2.07	10.52	0.37	10.15
5	Yayasan Pelajaran Johor	17.13	14.15	2.98	31.70	22.87	8.83

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Penyata Pendapatan			Lembaran Imbangan		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset/Liabiliti Semasa Bersih (RM Juta)
6	Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor	4.65	2.91	1.74	9.25	0.92	8.33
7	Perbadanan Bioteknologi & Biodiversiti Negeri Johor	8.40	6.68	1.72	2.41	0.61	1.80
8	Perbadanan Stadium Johor	3.20	2.52	0.68	1.71	0.01	1.70
9	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	9.06	9.24	-0.18	0.86	0.01	0.85
10	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	8.51	8.19	0.32	1.65	1.06	0.59
11	Perbadanan Taman Negara Johor	13.43	13.69	-0.26	0.31	0.02	0.29
12	Taman Ibrahim Muar	0.31	0.34	-0.03	0.06	0.29	-0.23
Jumlah		840.59	612.29	228.30	1,211.65	1,022.60	189.05


Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

6.5.2. Analisis Pendapatan

6.5.2.1. Pada akhir tahun 2015, pendapatan janaan sendiri yang diperoleh oleh 12 Badan Berkanun Negeri ialah sejumlah RM791.36 juta berbanding dengan RM542.07 juta pada tahun 2014. Analisis Audit mendapati peningkatan sejumlah RM249.29 juta atau 46% adalah disebabkan peningkatan ketara jumlah pendapatan janaan sendiri oleh Perbadanan Johor iaitu sebanyak RM241.00 juta atau 47.9% berbanding tahun 2014. Selain Perbadanan Johor, 7 Badan Berkanun Negeri yang lain turut mencatatkan peningkatan pendapatan janaan sendiri antara 3.3% hingga 82.7% dan peratus peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-orang Islam Negeri Johor sebanyak 82.7% atau RM1.89 juta diikuti oleh Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim sebanyak 57.6% atau RM58,711.

6.5.2.2. Selain daripada pendapatan janaan sendiri, 7 daripada 12 Badan Berkanun Negeri juga menerima geran daripada Kerajaan berjumlah RM49.24 juta pada tahun 2015 berbanding RM38.07 juta pada tahun 2014 dan RM34.41 juta pada tahun 2013. Jumlah geran ini meliputi geran operasi dan pembangunan untuk membantu pelaksanaan program dan aktiviti serta projek pembangunan Badan Berkanun Negeri. Trend jumlah pendapatan janaan sendiri dan geran yang diterima daripada Kerajaan untuk Badan Berkanun Negeri bagi tahun 2012 hingga 2015 adalah seperti di **Carta 6.1**.

Carta 6.1
Trend Jumlah Pendapatan Janaan Sendiri Dan Geran Yang Diterima Daripada Kerajaan Untuk Badan Berkanun Negeri Tahun 2012 Hingga 2015



Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

6.5.3. Jumlah Lebihan/Kurangan Pendapatan

Secara keseluruhannya, lebihan pendapatan berjumlah RM228.29 juta telah dicatatkan pada tahun 2015 iaitu meningkat sedikit sejumlah RM2.81 juta atau 1.3% berbanding RM225.48 juta pada tahun 2014. Sebanyak 6 daripada 12 Badan Berkanun Negeri telah menunjukkan peningkatan lebihan pendapatan (keuntungan) antara 24.1% hingga 2,011% berbanding tahun 2014, manakala 6 lagi Badan Berkanun Negeri menunjukkan penurunan antara 0.9% hingga 620%. Jumlah lebihan/kurangan pendapatan Badan Berkanun Negeri bagi tahun 2014 dan 2015 adalah seperti di **Jadual 6.4**.

Jadual 6.4
Jumlah Lebihan/Kurangan Pendapatan Badan Berkanun Negeri Tahun 2014 Dan 2015

Bil.	Badan Berkanun Negeri	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)	Perubahan	
				(RM Juta)	(%)
1	Perbadanan Bioteknologi & Biodiversiti Negeri Johor	-0.09	1.72	1.81	2,011.1
2	Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor	0.55	2.07	1.52	276.4
3	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	-1.20	0.32	1.52	126.7
4	Perbadanan Islam Johor	0.90	1.96	1.06	117.8
5	Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor	1.01	1.74	0.73	72.3
6	Yayasan Warisan Negeri Johor	-2.24	-1.70	0.54	24.1
7	Perbadanan Johor	221.00	219.00	-2.00	-0.9
8	Perbadanan Stadium Johor	0.84	0.68	-0.16	-19.0
9	Yayasan Pelajaran Johor	4.56	2.98	-1.58	-34.6
10	Taman Ibrahim Muar	-0.02	-0.04	-0.02	-100.0
11	Yayasan Pembangunan Keluarga	0.12	-0.18	-0.30	-250.0
12	Perbadanan Taman Negara	0.05	-0.26	-0.31	-620.0
Jumlah		225.48	228.29	2.81	1.3

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri


6.5.4. Analisis Aset

Pada akhir tahun 2015, sebanyak 12 Badan Berkanun Negeri mempunyai aset berjumlah RM6.93 bilion berbanding RM7.40 bilion pada tahun 2014 iaitu penurunan sejumlah RM470.00 juta atau 6.4%. Daripada jumlah aset tersebut, jumlah aset semasa pada akhir tahun 2015 ialah RM1.21 bilion berbanding RM1.20 bilion pada tahun 2014. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, nilai liabiliti semasa bersih telah menurun dengan ketara iaitu daripada liabiliti semasa bersih berjumlah RM510.26 juta pada tahun 2014 kepada aset semasa bersih berjumlah RM189.04 juta pada tahun 2015 iaitu penurunan sejumlah RM699.31 juta atau 137%. Perubahan daripada liabiliti semasa bersih kepada aset semasa bersih sebahagian besarnya disumbangkan oleh Perbadanan Johor dengan peratus peningkatan sebanyak 122.7% atau RM682.00 juta. Antaranya disebabkan oleh penurunan jumlah liabiliti semasa Perbadanan Johor melibatkan penurunan Jumlah Terhutang Kepada Syarikat Berkaitan serta Lain-Lain Pembiutang. Selain Perbadanan Johor, terdapat 2 lagi Badan Berkanun Negeri yang mencatatkan peningkatan dalam aset semasa bersih tertinggi ialah Yayasan Pelajaran Johor iaitu sebanyak 105.8% atau RM4.54 juta diikuti oleh Yayasan Warisan Negeri Johor sebanyak 96.9% atau RM6.84 juta.

6.5.5. Analisis Pelaburan

Pada akhir tahun 2015, jumlah pelaburan bersih bagi 5 Badan Berkanun Negeri iaitu Perbadanan Johor, Perbadanan Islam Johor, Yayasan Pelajaran Johor, Perbadanan Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor dan Lembaga Kumpulan Wang Amanah Islam Negeri Johor ialah RM6.35 bilion. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan dalam anak syarikat, syarikat bersekutu, harta tanah dan pelaburan lain. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, jumlah pelaburan telah menurun sedikit sebanyak RM139.03 juta atau 2.1% berbanding RM6.49 bilion pada tahun 2014. Jenis pelaburan adalah seperti di **Carta 6.2**.

Carta 6.2
Jenis Pelaburan Badan Berkanun Negeri Tahun 2015



Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

6.5.6. Analisis Liabiliti

Pada akhir tahun 2015, jumlah liabiliti semasa dan bukan semasa bagi 12 Badan Berkanun Negeri ialah RM4.62 bilion berbanding RM5.38 bilion pada tahun 2014 iaitu penurunan sejumlah RM758.73 juta atau 14.1%. Analisis Audit mendapati penurunan liabiliti Perbadanan Johor sejumlah RM761.00 juta atau 14.2% merupakan penyumbang utama kepada penurunan jumlah liabiliti pada tahun 2015. Perbadanan Johor merekodkan penurunan Hutang Kepada Syarikat Berkaitan berjumlah RM561.00 juta dan diikuti oleh penurunan jumlah Lain-Lain Pembiutang sebanyak RM147 juta. Jumlah liabiliti Badan Berkanun Negeri bagi tahun 2014 dan 2015 adalah seperti di **Jadual 6.5**.

Jadual 6.5
Jumlah Liabiliti Badan Berkanun Negeri Tahun 2014 Dan 2015

Bil.	Badan Berkanun Negeri	2014	2015	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor	0.02	0.37	0.35	1,750.0
2	Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor	0.59	0.92	0.33	55.9
3	Perbadanan Bioteknologi & Biodiversiti Negeri Johor	0.61	0.84	0.23	37.7
4	Yayasan Warisan Negeri Johor	1.89	2.17	0.28	14.8
5	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	0.94	1.06	0.12	12.8
6	Taman Ibrahim Muar	0.26	0.29	0.03	11.5
7	Perbadanan Taman Negara Johor	0.02	0.02	0.00	0.0
8	Yayasan Pelajaran Johor	22.00	22.87	0.87	4.0
9	Perbadanan Islam Johor	3.57	3.63	0.06	1.7
10	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	0.01	0.01	0.00	0.0
11	Perbadanan Johor	5352.00	4591.00	-761.00	-14.2
12	Perbadanan Stadium Johor	0.01	0.01	0.00	0.0
Jumlah		5,381.92	4,623.19	-758.73	-14.1

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

6.5.7. Analisis Nisbah

Nisbah Hutang mengukur peratus dana dibiayai daripada sumber selain ekuiti. Nisbah Kecairan pula mengukur kemampuan aset semasa untuk menampung liabiliti semasanya berdasarkan Nisbah Semasa, Nisbah Cepat dan Nisbah Modal Kerja. Analisis Nisbah Hutang menunjukkan hanya Perbadanan Johor yang membiayai lebih daripada 50% jumlah asetnya menggunakan hutang iaitu sebanyak 72%. Selain Perbadanan Johor, terdapat 3 Badan Berkanun Negeri lain yang menunjukkan Nisbah Kecairan kurang daripada 2 yang menggambarkan Badan Berkanun Negeri berkenaan tidak mampu untuk memenuhi tanggungan jangka pendek iaitu Yayasan Pelajaran Johor, Taman Ibrahim Muar dan Perbadanan Perpustakaan Awam Johor. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 6.6**.

Jadual 6.6
Analisis Kecairan Dan Kestabilan Badan Berkanun Negeri Tahun 2015

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Nisbah Semasa	Nisbah Cepat	Modal Kerja (RM Juta)	Aliran Tunai Bersih (RM Juta)	Nisbah Hutang (%)
1	Perbadanan Johor	1.13	1.10	126.00	25.00	72.0
2	Yayasan Pelajaran Johor	1.39	1.39	8.83	5.44	-2.1
3	Perbadanan Islam Johor	8.41	8.41	16.84	2.06	3.2
4	Lembaga Kumpulan Wang Amanah Orang-Orang Islam Negeri Johor	28.59	28.59	10.15	2.42	3.4
5	Taman Ibrahim Muar	0.20	0.20	-0.23	0.002	18.6
6	Perbadanan Perpustakaan Awam Johor	1.55	1.55	0.59	-0.13	11.6
7	Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim	118.89	111.68	0.85	-0.08	0.6
8	Perbadanan Stadium Johor	294.12	294.12	1.70	0.65	0.3
9	Perbadanan Taman Negara Johor	16.47	16.47	0.29	-1.05	0.6
10	Tabung Pembangunan Masjid Dan Amal Jariah Johor	10.07	10.07	8.33	2.07	10
11	Perbadanan Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor	3.95	3.95	1.80	0.38	13.3
12	Yayasan Warisan Negeri Johor	7.41	7.41	13.90	1.62	7.4

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

6.5.8. Prestasi Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri

6.5.8.1. Analisis Pelaburan Dalam Syarikat

Sehingga 31 Disember 2015, sebanyak 4 daripada 12 Badan Berkanun Negeri mempunyai pelaburan pada kos dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu berjumlah RM4.80 bilion dalam 46 syarikat. Perbadanan Johor (JCorp) mencatatkan pelaburan paling tinggi iaitu sejumlah RM4.67 bilion dalam 40 syarikat, diikuti oleh Perbadanan Islam Johor (PIJ) yang melabur sejumlah RM75.13 juta dalam 3 syarikat, Yayasan Pelajaran Johor yang melabur sejumlah RM50.00 juta dalam 2 syarikat dan Perbadanan Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor (JBiotek) dengan jumlah pelaburan sebanyak RM3.00 juta dalam sebuah syarikat. Sehingga akhir tahun 2015, hanya Perbadanan Johor yang membuat pelaburan dalam 2 syarikat bersekutu berjumlah RM36.00 juta. Analisis pelaburan pada kos dalam anak syarikat dan syarikat bersekutu oleh 4 Badan Berkanun Negeri adalah seperti di **Jadual 6.7**.

Jadual 6.7
Analisis Pelaburan Pada Kos Dalam Anak Syarikat Dan Syarikat Bersekutu

Perkara	JCorp	PIJ	YPJ	JBiotek	Jumlah
Anak Syarikat (100%)	28	2	2	1	33
Anak Syarikat (> 50%)	6	1	0	0	7
Syarikat Bersekutu (<50%)	2	0	0	0	2
Lain-lain Anak Syarikat	4	0	0	0	4
Jumlah Syarikat	40	3	2	1	46
Pelaburan (RM Juta)	4,672	75.13	50.00	3.00	4,800.13

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

6.5.8.2. Status Anak Syarikat

Analisis Audit mendapati 4 Badan Berkanun Negeri telah melabur dalam 44 anak syarikat di mana 38 anak syarikat berstatus aktif dan 6 berstatus dorman. Daripada 4 Badan Berkanun Negeri, Perbadanan Johor mempunyai bilangan anak syarikat paling banyak iaitu 38 anak syarikat di mana sebanyak 6 anak syarikat atau 15.8% berstatus dorman. Bilangan anak syarikat yang aktif dan dorman adalah seperti di **Jadual 6.8**.

Jadual 6.8
Bilangan Anak Syarikat Yang Aktif Dan Dorman Tahun 2015

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Bilangan Anak Syarikat		
		Status Aktif	Status Dorman	Jumlah
1	Perbadanan Johor	32	6	38
2	Perbadanan Islam Johor	3	0	3
3	Yayasan Pelajaran Johor	2	0	2
4	Perbadanan Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor	1	0	1
Jumlah		38	6	44

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri

6.5.8.3. Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul Syarikat

Pada 31 Disember 2015, sebanyak 24 anak syarikat yang aktif milik 3 Badan Berkanun Negeri telah mendapat keuntungan terkumpul berjumlah RM5.33 bilion. Analisis Audit juga mendapati 20 anak syarikat milik 3 Badan Berkanun Negeri mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM1.44 bilion. Bagaimanapun, anak syarikat bagi 3 Badan Berkanun Negeri mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM3.92 bilion pada tahun 2015. Antara anak syarikat yang mencatat keuntungan terkumpul paling tinggi ialah Kulim (Malaysia) Berhad sejumlah RM2.88 bilion dan KPJ Healthcare Berhad sejumlah RM694.58 juta. Kedua-dua syarikat tersebut adalah milik Perbadanan Johor. Analisis keuntungan terkumpul dan kerugian terkumpul anak syarikat Badan Berkanun Negeri bagi tahun kewangan 2015 adalah seperti di **Jadual 6.9**.

Jadual 6.9
Analisis Keuntungan/Kerugian Terkumpul
Anak Syarikat Badan Berkanun Negeri Tahun Kewangan 2015

Bil.	Badan Berkanun Negeri	Keuntungan Terkumpul		Kerugian Terkumpul		Keuntungan/ Kerugian Bersih (RM Juta)
		Bil. Syarikat	(RM Juta)	Bil. Syarikat	(RM Juta)	
1	Perbadanan Johor	21	5,298.13	17	1,402.84	3,895.29
2	Perbadanan Islam Johor	2	27.08	1	6.30	20.78
3	Yayasan Pelajaran Johor	0	0	2	32.74	-32.74
4	Perbadanan Bioteknologi Dan Biodiversiti Negeri Johor	1	0.5	0	0	0.5
Jumlah		24	5,325.71	20	1,441.88	3,883.83

Sumber: Penyata Kewangan Anak Syarikat

6.5.9. Prestasi Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan

6.5.9.1. Berdasarkan kepada penyata kewangan tahun 2015 yang dikemukakan, analisis Audit mendapati pada umumnya prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan tahun 2015 adalah baik kerana 10 daripada 15 Pihak Berkuasa Tempatan mengakhiri tahun kewangan 2015 dengan mendapat surplus, manakala 5 Pihak Berkuasa Tempatan lagi mencatatkan defisit. Selain itu, kesemua Pihak Berkuasa Tempatan mencatatkan aset semasa melebihi liabiliti semasa kecuali Majlis Daerah Segamat. Prestasi kewangan Pihak Berkuasa Tempatan bagi tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 6.10.**

Jadual 6.10
Prestasi Kewangan PBT Tahun Berakhir 31 Disember 2015

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Penyata Pendapatan			Lembaran Imbangan		
		Pendapatan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ Defisit (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset/Liabiliti Semasa Bersih (RM Juta)
1	Majlis Bandaraya Johor Baru (MBJB)	262.73	210.36	52.37	354.38	137.88	216.50
2	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT)	225.55	185.08	40.47	480.46	126.07	354.39
3	Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG)	121.94	89.45	32.49	87.50	34.01	53.49
4	Majlis Perbandaran Kulai (MPKu)	69.40	66.81	2.59	102.91	40.46	62.45
5	Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP)	55.02	55.09	-0.07	68.34	37.86	30.48
6	Majlis Perbandaran Muar (MPM)	40.86	40.10	0.76	49.66	33.86	15.80
7	Majlis Perbandaran Kluang (MPK)	52.01	49.38	2.63	38.59	18.95	19.64
8	Majlis Daerah Pontian (MDP)	50.19	36.02	14.17	44.57	11.65	32.92
9	Majlis Daerah Segamat (MDS)	27.11	29.30	-2.19	12.11	12.22	-0.11
10	Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT)	33.81	25.83	7.98	48.46	17.16	31.30
11	Majlis Daerah Tangkak (MDT)	19.83	20.80	-0.97	23.07	10.14	12.93
12	Majlis Daerah Labis (MDL)	9.76	8.87	0.89	3.77	2.85	0.92
13	Majlis Daerah Yong Peng (MDYP)	16.77	17.57	-0.80	22.11	5.20	16.91
14	Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR)	10.37	11.02	-0.65	16.05	4.04	12.01
15	Majlis Daerah Mersing (MDM)	9.14	8.78	0.36	11.39	2.94	8.45
Jumlah		1,004.49	854.46	150.03	1,363.37	495.29	868.08

Sumber: Penyata Kewangan PBT

6.5.9.2. Aset Semasa Bersih

Pada tahun 2015, semua PBT mempunyai aset semasa melebihi liabiliti semasa kecuali Majlis Daerah Segamat. Keseluruhan aset semasa bersih PBT berjumlah RM868.08 juta, meningkat sejumal RM179.28 juta berbanding tahun 2014 berjumlah RM688.80 juta. Sebanyak 11 PBT mencatatkan peningkatan aset semasa bersih manakala 4 PBT mencatatkan penurunan. PBT yang mencatatkan peningkatan tertinggi ialah Majlis Bandar Raya Johor Baru sementara 4 PBT yang mencatatkan penurunan aset semasa

bersih antara RM1.06 juta hingga RM1.75 juta adalah Majlis Perbandaran Kulai, Majlis Daerah Pontian, Majlis Daerah Segamat dan Majlis Daerah Tangkak. Kedudukan aset bersih semasa adalah seperti di **Jadual 6.11**.

Jadual 6.11
Aset Semasa Bersih Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2014 Dan 2015

PBT	2014			2015			Perubahan	
	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)		
MBJB	280.67	135.16	145.51	354.38	137.88	216.50	70.99	48.8
MPJBT	407.62	104.22	303.40	480.46	126.07	354.39	50.99	16.8
MPPG	37.92	26.93	10.99	87.50	34.01	53.49	42.50	386.7
MPKu	96.27	32.75	63.52	102.91	40.46	62.45	-1.07	-1.7
MPBP	57.39	30.71	26.68	68.34	37.86	30.48	3.80	14.2
MPM	43.96	29.26	14.70	49.66	33.86	15.80	1.10	7.5
MPK	35.08	18.36	16.72	38.59	18.95	19.64	2.92	17.5
MDP	42.44	7.77	34.67	44.57	11.65	32.92	-1.75	-5.0
MDS	14.28	13.11	1.17	12.11	12.22	-0.11	-1.28	-109.4
MDKT	35.20	13.38	21.82	48.46	17.16	31.30	9.48	43.4
MDT	22.41	8.42	13.99	23.07	10.14	12.93	-1.06	-7.6
MDL	2.07	2.70	-0.63	3.77	2.85	0.92	1.55	-246.0
MDYP	21.98	5.21	16.77	22.11	5.20	16.91	0.14	0.8
MDSR	14.74	2.99	11.75	16.05	4.04	12.01	0.26	2.2
MDM	10.59	2.85	7.74	11.39	2.94	8.45	0.71	9.2
Jumlah	1,122.62	433.82	688.80	1,363.37	495.29	868.08	179.28	26.0

Sumber: Penyata Kewangan PBT

6.5.9.3. Tunggakan Hasil Cukai Taksiran

- a. Cukai taksiran merupakan cukai tahunan yang dikenakan terhadap harta pegangan di bawah kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan dan merupakan penyumbang utama kepada hasil Pihak Berkuasa Tempatan. Harta pegangan yang dikenakan cukai taksiran adalah rumah kediaman, kedai, bangunan perniagaan, pejabat bukan milik kerajaan, kilang dan lain-lain. Caruman bantuan kadar merupakan cukai tahunan yang dikenakan ke atas bangunan milik kerajaan. Sehingga akhir tahun 2015, sejumlah RM680.88 juta cukai taksiran telah dikutip oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor. Hasil cukai taksiran ini bertambah sejumlah RM155.93 juta atau 29.7% berbanding hasil cukai taksiran pada tahun 2014. Hasil cukai taksiran PBT bagi tempoh 2014 dan 2015 adalah seperti di **Jadual 6.12**.

Jadual 6.12
Hasil Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor Tahun 2014 Dan 2015

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	2014	2015	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Majlis Bandaraya Johor Bahru	147.23	178.77	31.54	21.4
2	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	120.66	167.64	46.98	38.9
3	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	58.02	93.09	35.07	60.4
4	Majlis Perbandaran Kulai	51.64	51.57	-0.07	-0.1
5	Majlis Perbandaran Batu Pahat	27.52	34.16	6.64	24.1
6	Majlis Perbandaran Muar	17.64	23.55	5.91	33.5
7	Majlis Perbandaran Kluang	32.85	33.30	0.45	1.4
8	Majlis Daerah Pontian	15.77	22.58	6.81	43.2
9	Majlis Daerah Segamat	13.97	16.93	2.96	21.2
10	Majlis Daerah Kota Tinggi	11.29	23.11	11.82	104.7
11	Majlis Daerah Tangkak	8.99	12.19	3.20	35.6
12	Majlis Daerah Labis	3.26	3.51	0.25	7.7
13	Majlis Daerah Yong Peng	7.25	10.93	3.68	50.8
14	Majlis Daerah Simpang Renggam	5.62	5.56	-0.06	-1.1
15	Majlis Daerah Mersing	3.24	3.99	0.75	23.1
Jumlah		524.95	680.88	155.93	29.7

Sumber: Penyata Kewangan PBT

- b. Secara keseluruhannya, tunggakan cukai taksiran telah meningkat dengan ketara daripada RM185.93 juta pada tahun 2014 menjadi RM232.31 juta pada tahun 2015 iaitu peningkatan sejumlah RM46.38 juta atau 24.9%. Ini disebabkan peningkatan jumlah tunggakan cukai taksiran Majlis Bandaraya Johor Bahru sebanyak RM14.67 juta atau 26.6%, Majlis Perbandaran Pasir Gudang sebanyak RM12.33 juta atau 82.1% dan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah sebanyak RM12.01 juta atau 39.0%. Tunggakan cukai taksiran bagi keseluruhan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor adalah seperti di **Jadual 6.13**.

Jadual 6.13
Tunggakan Hasil Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor
Tahun 2014 Dan 2015

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	2014	2015	Perubahan	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1	Majlis Bandaraya Johor Bahru	55.24	69.91	14.67	26.6
2	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	30.83	42.84	12.01	39.0
3	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	15.02	27.35	12.33	82.1
4	Majlis Perbandaran Kulai	21.99	15.94	-6.05	-27.5
5	Majlis Perbandaran Batu Pahat	15.09	17.43	2.34	15.5
6	Majlis Perbandaran Muar	8.19	11.19	3.00	36.6
7	Majlis Perbandaran Kluang	15.61	17.15	1.54	9.9
8	Majlis Daerah Pontian	3.22	3.31	0.09	2.8
9	Majlis Daerah Segamat	3.51	4.13	0.62	17.7
10	Majlis Daerah Kota Tinggi	2.04	3.41	1.37	67.2
11	Majlis Daerah Tangkak	3.78	4.75	0.97	25.7
12	Majlis Daerah Labis	2.33	2.92	0.59	25.3
13	Majlis Daerah Yong Peng	4.06	5.74	1.68	41.4
14	Majlis Daerah Simpang Renggam	3.57	4.43	0.86	24.1
15	Majlis Daerah Mersing	1.45	1.81	0.36	24.8
Jumlah		185.93	232.31	46.38	24.9

Sumber: Penyata Kewangan PBT

- c. Pada tahun 2015, semua Pihak Berkuasa Tempatan menunjukkan peningkatan tuggakan cukai taksiran kecuali Majlis Perbandaran Kulai. Faktor utama peningkatan tuggakan adalah disebabkan oleh penilaian semula cukai taksiran di 10 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor yang mula dilaksanakan pada tahun 2015. PBT terlibat adalah Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Majlis Perbandaran Batu Pahat, Majlis Perbandaran Muar, Majlis Daerah Pontian, Majlis Daerah Segamat, Majlis Daerah Kota Tinggi, Majlis Daerah Tangkak, Majlis Daerah Yong Peng, Majlis Daerah Simpang Renggam dan Majlis Daerah Mersing.

- d. Berdasarkan penyata kewangan bagi tahun 2015, jumlah pendapatan bagi semua Pihak Berkuasa Tempatan adalah RM1.00 bilion, manakala jumlah tuggakan cukai taksiran adalah RM232.31 juta. Ini menunjukkan jumlah tuggakan cukai taksiran adalah 23.1% daripada jumlah keseluruhan pendapatan bagi tahun 2015. Majlis Daerah Simpang Renggam merekodkan peratus tuggakan cukai taksiran tertinggi berbanding jumlah pendapatan iaitu sebanyak 42.7%. Peratus tuggakan berbanding pendapatan bagi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor pada tahun 2015 adalah seperti di **Jadual 6.14**.

Jadual 6.14
Peratus Tuggakan Berbanding Pendapatan
Bagi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor Tahun 2015

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tuggakan (RM Juta)	Pendapatan (RM Juta)	Tuggakan Berbanding Pendapatan (%)
1	Majlis Bandaraya Johor Bahru	69.91	262.73	26.6
2	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	42.84	225.55	19.0
3	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	27.35	121.94	22.4
4	Majlis Perbandaran Kulai	15.94	69.40	23.0
5	Majlis Perbandaran Batu Pahat	17.43	55.02	31.7
6	Majlis Perbandaran Muar	11.19	40.86	27.4
7	Majlis Perbandaran Kluang	17.15	52.01	33.0
8	Majlis Daerah Pontian	3.31	50.19	6.6
9	Majlis Daerah Segamat	4.13	27.11	15.2
10	Majlis Daerah Kota Tinggi	3.41	33.81	10.1
11	Majlis Daerah Tangkak	4.75	19.83	24.0
12	Majlis Daerah Labis	2.92	9.76	29.9
13	Majlis Daerah Yong Peng	5.74	16.77	34.2
14	Majlis Daerah Simpang Renggam	4.43	10.37	42.7
15	Majlis Daerah Mersing	1.81	9.14	19.8
Jumlah		232.31	1,004.49	23.1

Sumber: Penyata Kewangan PBT

6.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

6.6.1. Pada keseluruhannya, penyediaan penyata kewangan Agensi Negeri adalah baik kerana kesemua penyata kewangan bagi tahun 2014 yang telah diserahkan untuk diaudit telah dapat disahkan. Kedudukan penyerahan penyata kewangan juga adalah baik kerana 27 daripada 29 Agensi Negeri telah menyerahkan penyata kewangan tahun 2015 kepada

Jabatan Audit Negara sehingga 30 Jun 2016. Bagaimanapun, prestasi kewangan semasa dan tunggakan cukai taksiran adalah kurang memuaskan. Sebagai penambahbaikan kepada perkara yang dibangkitkan, Agensi Negeri disyorkan untuk mengambil langkah berikut:

- 6.6.1.1.** Ketua Eksekutif/Pengarah Badan Berkanun Negeri perlu bertindak proaktif dan tegas dalam melaksanakan program dan aktiviti agensi yang dapat menjana pendapatan. Agensi Negeri yang mengalami defisit dan kekurangan aset semasa bersih perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan operasi dan menanggung liabiliti semasa.
- 6.6.1.2.** Lembaga Pengarah Badan Berkanun Negeri hendaklah sentiasa memantau prestasi kewangan anak syarikat dan mengkaji semula pelaburan dalam anak syarikat yang berstatus dorman dan mengalami kerugian terkumpul agar anak syarikat berterusan berdaya maju dan dapat memberi pulangan.
- 6.6.1.3.** Pihak Berkuasa Tempatan perlu memastikan tunggakan cukai taksiran dapat dikurangkan dengan mengambil tindakan lebih tegas terhadap mereka yang gagal membayar cukai taksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti mengambil tindakan penguatkuasaan dan undang-undang.



BAHAGIAN U

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI

7. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Johor Tahun 2014 Siri 1, 2 dan 3 telah dibentangkan masing-masing pada 10 September 2015, 29 November 2015 dan 17 April 2016. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Johor Tahun 2014 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Johor pada 17 April 2016.

8. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA RAYA NEGERI

Bagi tempoh Jun 2015 hingga Mei 2016, Jawatankuasa Kira-kira Raya Negeri Johor telah bersidang sebanyak 3 kali untuk membincangkan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri serta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri bagi tahun 2013. Bagi tempoh tersebut, Jawatankuasa telah membincangkan laporan mengenai Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri. Jawatankuasa juga telah menjemput Ketua-ketua Jabatan yang berkenaan untuk memberi penjelasan terhadap perkara yang dilaporkan. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa semasa mesyuarat adalah seperti di **Jadual 8.1**.

Jadual 8.1
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor
Ogos 2015 Hingga Mei 2016

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013
5/2015	2.11.2015	Pengurusan Program Perumahan Rakyat Dan Rumah Pangsa Awam Yang Disediakan - SUK Bahagian Perumahan	Jawatankuasa bersetuju Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Bahagian Perumahan mengambil tindakan berikut: a. Mengenal pasti keperluan untuk menubuhkan Unit Kejuruteraan @ Teknikal kerana perlu menjaga banyak bangunan. b. Segala penyerahan projek mesti dibuat secara bertulis antara SUK Perumahan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). c. Tindakan tegas diambil terhadap 2

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013
			syarikat yang dilantik terdahulu iaitu ZP Management dan Munirah & Co kerana mempunyai tunggakan sewa yang banyak terhadap Jabatan.
		Pengurusan Syarikat Perbadanan Negeri - Johor Silica Industries Sdn. Bhd.	Jawatankuasa bersetuju Pengarah Urusan Johor Silica Industries Sdn. Bhd. mengambil tindakan berikut: <ul style="list-style-type: none"> a. Mengembalikan semula tanah TOL yang dilombong kepada Kerajaan Negeri berdasarkan perjanjian dan tempoh masa yang dibuat. b. Mengambil maklum aktiviti melombong telah dihentikan kerana ketidaaan tanah/kawasan yang strategik. c. Membuat perancangan mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk dibuat pelaburan jangka panjang bagi menambah faedah dan keuntungan syarikat.
1/2016	17.1.2016	Pengurusan Taman Negara Johor - Perbadanan Taman Negara Johor	Jawatankuasa bersetuju Pengarah Perbadanan Taman Negara Johor mengambil tindakan berikut: <ul style="list-style-type: none"> a. Mengenal pasti penceroboh di dalam kawasan Taman Negara Gunung Ledang dan melaksanakan penguatkuasaan bersama Pejabat Tanah untuk mengeluarkan penceroboh. b. Membuat satu papan tanda khusus Taman Negara Johor serta tanda sempadan yang jelas seperti batu sempadan, parit, longkang ataupun pagar. c. Meminta Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Johor menyeferakan pengesahan Pelan Akui Taman Negara Johor.
		Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor	Jawatankuasa bersetuju Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor mengambil tindakan berikut: <ul style="list-style-type: none"> a. Menyediakan Pelan Perancangan Jangka Panjang bagi pembangunan TKPM yang lebih terperinci dan teratur dengan meletakkan visi dan sasaran serta prestasi pencapaian yang boleh diukur meliputi tahap pelaksanaan projek. Pelan Perancangan ini penting dalam usaha mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri. b. Memastikan perjanjian antara Jabatan dan peserta perlulah lebih ketat untuk memudahkan kerja pengambilan semula tapak TKPM sekiranya peserta tidak dapat mengikut garis panduan atau syarat yang telah ditetapkan.

Bil.	Tarikh	Jabatan/Agensi	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013
2/2016	1.2.2016	Pengurusan Syarikat Majlis Agama Islam Negeri Johor - Marsah Sdn. Bhd.	Jawatankuasa bersetuju Ketua Eksekutif Kolej Pengajian Islam Tinggi Johor (MARSAH) mengambil tindakan berikut: a. Mengenal pasti jumlah pelajar yang diambil dan yuran yang dikenakan ke atas pelajar-pelajar supaya dapat memenuhi keperluan-keperluan yang diperlukan. b. Memperkemas dan memperbaiki tatacara kewangan agar lebih baik dan teratur dan boleh mencontohi GLC lain seperti Johor Corporation sebagai <i>bench-marking</i> .
		Pengurusan Kenderaan - Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor - Pejabat Tanah Dan Galian Johor (PTG)	Jawatankuasa bersetuju Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Pengurusan) mengambil tindakan berikut: a. Mengambil pendekatan yang sama sebagaimana PTG seperti mewujudkan "mobile unit" bagi kenderaan. b. Mendapatkan penjelasan segera daripada pemandu-pemandu setelah memperoleh laporan kad inden jika didapati mencurigakan.
		Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri - Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan)	Jawatankuasa bersetuju Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Bahagian Pengurusan) mengambil tindakan seperti berikut: a. Memaklumkan kepada Majlis Keselamatan Jalanraya Negeri Johor (MKJR) bahawa Akaun Amanah yang diwujudkan di bawah SUKJ masih ada tetapi tidak aktif dan mempunyai baki terakhir 31 Disember 2013 dan mengesahkan sama ada akaun tersebut masih diperlukan atau tidak.

Sumber: Jabatan Audit Negara



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor dan Agensi Negeri pada tahun 2015 adalah bertambah baik. Dari segi prestasi kewangannya, Kerajaan Negeri perlu mempertingkat dan memperkuuhkan lagi supaya sumber pendapatan yang diperoleh berterusan dapat menampung perbelanjaan mengurus dan menanggung tanggungan semasa. Penetapan *Key Performance Indicator* (KPI) dan operasi semua syarikat subsidiari perlu dipantau dengan tegas untuk memastikan pelaburan Kerajaan Negeri dalam syarikat subsidiari memberi pulangan yang sewajarnya. Di samping itu, pencapaian prestasi pelaksanaan projek pembangunan RMKe-10 oleh Kerajaan Negeri Johor untuk tahun 2011 hingga 2015 adalah sangat baik. Bagaimanapun, prestasi kewangan Agensi Negeri dan tunggakan cukai taksiran adalah kurang memuaskan. Sehubungan itu, Agensi Negeri disyorkan mengambil langkah berikut:

- a. Ketua Eksekutif/Pengarah Badan Berkanun Negeri perlu bertindak proaktif dan tegas dalam melaksanakan program dan aktiviti agensi yang dapat menjana pendapatan. Agensi Negeri yang mengalami defisit dan kekurangan aset semasa bersih perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya pendapatan yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan mengurus dan menanggung liabiliti semasa.
- b. Pihak Berkuasa Tempatan perlu memastikan tunggakan cukai taksiran dapat dikurangkan dengan mengambil tindakan lebih tegas terhadap mereka yang gagal membayar cukai taksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

24 Jun 2016



LAMPIRAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI JOHOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2015**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Johor pada 31 Disember 2015; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.


(TAN SRI HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
1 Jun 2016



PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM
DAN BENDAHARI NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM

Pernyataan Kewangan Kerajaan Negeri JOHOR dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) Mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), Piawaian Perakaunan Kerajaan dan ‘International Public Sector Accounting Standard’ – Financial Reporting under the cash basis of Accounting’; dan
- (b) Dengan menyatukan matlumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri JOHOR.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri JOHOR yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2015.


Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri JOHOR 2015.



YB HAJI MOHD NASIR BIN ABD. SALAM

Pegawai Kewangan Negeri
JOHOR.

24 Februari 2016



YBM TUNKU ZAHRAH BINTI TUNKU OSMAN
Bendahari Negeri
JOHOR.

24 Februari 2016

Lampiran III

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

pada 31 Disember 2015

	Nota	2015	2014
		RM	RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	1,606,844,703.76	1,842,250,721.47
PELABURAN	4	1,020,196,519.45	467,190,284.94
		2,627,041,223.21	2,309,441,006.41
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	998,502,021.61	844,668,899.20
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	10,178,869.96
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	1,628,539,201.60	1,454,593,237.25
		2,627,041,223.21	2,309,441,006.41

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Lampiran IV

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

bagi tahun berakhir 31 Disember 2015

	<u>Nota</u>	<u>2015</u>	<u>2014</u>
		RM	RM
TERIMAAN			
Hasil	5		
Hasil Cukai		397,166,970.49	338,745,522.38
Hasil Bukan Cukai		961,405,331.33	1,007,254,458.01
Terimaan Bukan Hasil		190,252,945.81	197,814,638.76
Hasil Wilayah-Wilayah Persekutuan		<u>1,548,825,247.63</u>	<u>1,543,814,619.15</u>
Pinjaman	6		
Dalam Negeri		-	64,000,000.00
Luar Negeri		<u>-</u>	<u>64,000,000.00</u>
Terimaan Modal	7		
Terimaan Balik Pinjaman		-	-
Jualan Aset Modal		-	-
Pelbagai Terimaan Modal		28,595,300.09	21,719,523.50
Jualan Instrumen Kewangan		<u>28,595,300.09</u>	<u>- 21,719,523.50</u>
Terimaan Lain	7		
Terimaan Amanah		100,274,770.46	145,011,609.01
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)		<u>100,274,770.46</u>	<u>145,011,609.01</u>
Jumlah Terimaan		<u>1,677,695,318.18</u>	<u>1,774,545,751.66</u>

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan)

bagi tahun berakhir 31 Disember 2015

	<u>Nota</u>	<u>2015</u>	<u>2014</u>
		RM	RM
BAYARAN			
Perbelanjaan Mengurus	5		
Emolumen		404,502,665.53	400,456,464.81
Perkhidmatan dan Bekalan		295,645,047.84	267,541,075.58
Aset		30,402,125.99	24,288,533.06
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		138,978,105.44	114,056,762.84
Perbelanjaan Lain		44,262,433.66	20,775,275.20
Perbelanjaan Pembangunan	7		
Langsung		408,454,106.20	375,814,395.62
Pinjaman		-	408,454,106.20
Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI)	7	-	-
Perbelanjaan Modal			
Pembelian Instrumen Kewangan	4	553,006,234.51	434,008,738.44
Bayaran Balik Pinjaman			
Pinjaman Dalam Negeri	6	27,671,746.76	23,284,571.59
Pindahan Kepada Akaun Amanah	6	10,178,869.96	37,850,616.72
Bayaran Lain			
Akaun Amanah	7		
